

**Jilid II
Bil. 19**



**Hari Rabu
16hb Ogos, 1972**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2471]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia [Ruangan 2517]

USUL-USUL:

Ucapan-ucapan Penangguhan—

Pusat-pusat Latihan Bahasa Malaysia—Membanyakkan [Ruangan 2571]

Keputusan Peperiksaan Nilai Darjah V Tahun 1971 [Ruangan 2574]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Rabu, 16hb Ogos, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

„ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

„ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

„ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

„ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

„ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

„ TUAN CHEN KO MENG, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ DR CHEN MAN HUI (Seremban Timor).

„ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER
(Bau-Lundu).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).

„ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

„ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

„ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

„ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

„ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

„ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

„ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

„ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

„ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

„ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

„ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Kota Bharu Hulu).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

„ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

Yang Berhormat WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

Yang Berhormat TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
(Kota Star Selatan).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N.,
S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

„ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATUK ONN, P.I.S., M.B.E.
(Johor Bahru Timor).

„ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI
MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON,
K.M.N. (Segamat Selatan).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN MOKHTAR BIN HASHIM (Rembau-Tampin).

„ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.
(Kuala Kedah).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

„ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

„ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).

„ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O.,
O.B.E. (Marudu).

„ DATUK S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

YANG HADIR :

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K.
(Dilantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI
PERTANYAAN²JURUTEKNIK² MA'AMAL TENTERA
BRITISH—PENGIKTIRAFAN
KELULUSAN

1. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sama ada beliau akan mengiktirafkan kelulusan² bekas juruteknik² Ma'amal Tentera British dan juga juruteknik² terlatih dari Pasukan Bersenjata Malaysia; jika tidak, mengapa; dan
- (ii) sama ada beliau sedar bahawa beberapa orang bekas juruteknik² angkatan tentera maseh menganggor dan tidak boleh di-ambil berkhidmat di-dalam perkhidmatan kesihatan kerana kelayakan mereka tidak di-akuī.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) kelulusan juruteknik² terlatih dari Pasukan Bersenjata Malaysia akan di-rujukkan kepada "National Industrial Training and Trade Certification Board" untuk di-kaji dengan tujuan membuat penarafan dengan kelayakan² masuk yang di-perlukan oleh jawatan² Juruteknik dalam Perkhidmatan Kerajaan.

Mengenai kelulusan bekas Juruteknik² Ma'amal Tentera British mereka ini boleh-lah di-timbang bagi jawatan² pembantu ma'amal rendah, kira-nya mereka mempunyai kelayakan SRP (Sijil Rendah Persekutuan) atau pun LCE (Lower Certificate of Education).

- (ii) Oleh kerana juruteknik yang di-perlukan oleh Kementerian Kesihatan ada-lah di-beri latihan sa-belum di-lantek dan bekas² juruteknik tersebut tidak pula mempunyai kelulusan² latihan yang sa-mesti-nya, maka mereka² itu tidak dapat di-lantek memegang jawatan² Pembantu Ma'amal. Walaupun begitu mereka² ini boleh

di-timbang untuk jawatan² Pembantu Ma'amal Rendah kira-nya mereka mempunyai kelayakan SRP atau pun LCE.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar bahawa Juruteknik² terlatih, atau Pembantu² Ma'amal yang di-latih oleh Pasukan Tentera British, atau Pasukan Bersenjata Malaysia kita yang telah keluar daripada perkhidmatan tentera, atau tentera British, mereka khuatir Kerajaan langsung tidak mengambil tindakan untuk mengakuī kelulusan mereka?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar. Sekarang ini kita mengkaji kedudukan trade yang ada pada mereka itu seperti yang saya katakan tadi di-rujukkan kepada National Industrial Training and Trade Certification Board untuk di-akuī dan di-kaji taraf² kelulusan mereka itu sesuai dengan kehendak² yang di-terima oleh Kerajaan akan kelulusan mereka itu di-atas segi profeshenal dan teknikal pelajaran dan kemahiran mereka itu yang telah mereka dapat di-dalam masa mereka berkhidmat.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri yang berkenaan sedar bahawa beberapa ramai kaki-tangan, atau bekas Pembantu² Ma'amal yang saya sebutkan tadi, mereka itu tidak mempunyai kelulusan LCE atau pun SRP, tetapi mereka telah lulus beberapa peperiksaan profeshenal dan teknikal di-dalam perkhidmatan tentera British atau pun tentera kita. Oleh yang demikian, boleh-kah Menteri yang berkenaan menerangkan kepada Dewan ini, sa-kira-nya mereka tidak ada kelulusan SRP atau LCE mereka boleh juga dapat peluang untuk berkhidmat di-Kementerian Kesihatan?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab soalan ini, ia-itu Kementerian Pertahanan sedang membuat chadangan bagi mengkaji dan mengator chara² yang mana mereka telah tidak ada kelulusan SRP atau pun LCE oleh sebab mereka ini ada kemahiran yang telah berkhidmat sa-lama lima tahun, sa-puluh tahun di-sifatkan bersamaan dengan LCE atau pun SRP. Ini-lah satu kajian yang maseh di-buat, mungkin saya rasa tidak berapa lama lagi, kita boleh memberitahu

kapada Dewan ini di-atas kajian² yang telah, atau pun sedang di-buat pada masa sekarang.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan memberitahu kami apa-kah telah terjadi kapada beribu² ra'ayat Malaysia yang telah menganggor sa-lepas pengundoran tentera² British daripada Melaka? Ada-kah mereka itu di-beri saguhati dan juga di-beri pekerjaan baharu?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Ada-kah Kementerian Pertahanan ini mempunyai satu ranchangan dalam kajian yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ia-itu bekas² anggota tentera kita yang ada mempunyai latehan teknik supaya membuka perusahaan bengkel di-kampong²-nya dengan memasang kereta, motosikal dan lain²-nya.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Itu juga soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Chee Khoon: Boleh-kah Menteri yang berkenaan menerangkan bahawa apa langkah² Kementerian Pertahanan telah ambil atau akan mengambil supaya Pembantu Ma'amal yang di-sebutkan oleh saya boleh di-beri latehan atau kerja di-perkhidmatan Kerajaan?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi kita telah berikan arahan² kapada pehak² Kerajaan Pusat, Jabatan² Kerajaan atau pun Kerajaan Negeri memberi keutamaan sa-berapa yang boleh kapada bekas² perajurit untuk memberi pekerjaan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sa-kira-nya Kementerian Pertahanan telah memberi arahan kapada Pejabat² Kerajaan Persekutuan mahu pun Kerajaan² Negeri, ada-kah Menteri yang berkenaan sedar ada barangkali beratus² Pembantu Ma'amal sedang menganggor?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Batu tahu bahawa kita

mempunyai banyak orang yang hendak bekerja; pekerjaan-nya sedikit. Itu masalaahnya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar di-dalam Kementerian Kesihatan ada kekurangan kerja untuk Pembantu Ma'amal. Dan sa-kira-nya beliau sedar, boleh-kah beliau mencheipatkan proses ini mengaku² taraf yang di-chapai oleh Pembantu Ma'amal yang di-sebutkan oleh saya.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Saya sedar dan saya maseh hendak cheipatkan dan kalau boleh hari ini juga saya hendak jalankan.

PEKERJA² MAHIR MELAYU— MEMBANYAKKAN

2. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan langkah² yang telah di-ambil untuk membanyakkan bilangan pekerja² mahir yang terdiri daripada ra'ayat negeri ini khas-nya orang² Melayu, supaya negara ini tidak sentiasa bergantung kapada tenaga asing.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, negeri ini pada masa ini tidak-lah bergantung kapada pekerja² Negeri asing, melainkan satakat yang tertentu di-Malaysia Timor dan dalam bidang kemahiran dan kepakaran yang tertinggi, dalam mana ra'ayat² Malaysia kekurangan pengalaman yang di-perlukan atau tidak terdapat bilangan yang cukup sa-jajar dengan pembangunan. Dalam hal² demikian ada-lah di-sharatkan dalam mengambil orang² asing itu bahawa ra'ayat² Malaysia di-lateh untuk menggantikan kerja mereka dalam jangka-masa yang di-tetapkan.

Sa-jajar dengan Dasar Ekonomi Baharu dan tujuan² Ranchangan Malaysia Kedua, institusi² pelajaran dan latehan pada semua peringkat ada-lah sedang di-perbanyakkan lagi dan institusi² baharu ada-lah sedang di-tubuhkan untuk menambah bilangan kaki-tangan² yang mahir dan untuk melateh lebeh ramai orang² Melayu dalam kemahiran² profeshenal dan perusahaan. Langkah² yang tegas sedang di-ambil untuk memperluaskan pelajaran sains dan teknikal terutama sekali di-kawasan² luar bandar, dan juga untuk menambahkan peluang²

bagi pelajaran sa-umpama itu pada perengkat Kolej dan Universiti. Instituti² Latehan Perusahaan di-bawah Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat, Instituti² Kemahiran di-bawah MARA dan latehan yang di-beri kepada belia² di-"National Youth Pioneer Corps" dan juga Instituti² kamahiran dalam Kementerian Pelajaran ada-lah juga sedang di-perluaskan. Langkah² ini tidak hanya akan menjamin bertambah-nya bilangan tenaga ra'ayat, tetapi juga akan membolehkan bertambah-nya bilangan orang² Melayu yang berkelayakan dan yang terlatih untuk menyertai di-dalam sektor² moden ekonomi.

Mengenai Malaysia Timor pula usaha² sedang di-ambil menerusi rancangan pelajaran dan latehan tempatan serta juga Migration Fund Board, untuk memberi ra'ayat Malaysia kemahiran² yang perlu untuk pembangunan.

Satu Lembaga Latehan Perusahaan Kebangsaan dan Pengakuan Perdagangan dan Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Latehan Perusahaan telah pun di-tubuhkan untuk mengambil pandangan² dan penyer-taan semua chawangan² perdagangan dalam pembentok dan pelaksanaan satu rancangan latehan perusahaan yang lengkap, sa-jajar dengan Dasar Ekonomi Baharu. Usaha² juga sedang di-jalankan untuk melancarkan satu rancangan latehan "in-plant" untuk memberi latehan sambil bekerja yang bertujuan mengadakan peluang² pekerjaan, serta untuk mencapai matlamat² Kerajaan untuk menyusun sa-mula masha-rakat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah penekaan Kerajaan supaya di-kalangan² swasta turut sama melateh orang² Melayu dan bumiputra dalam bidang melahirkan pekerja² yang mahir di-negeri ini?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa meng-galakkan pihak swasta supaya memberi latehan² itu dan saya suka memberi tahu dalam masa yang lampau, response-nya ada-lah sangat baik.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa sunggoh-nya

banyak kalangan² swasta melateh orang² yang bukan bumiputra di-dalam bidang teknik dan pengurusan di-mana orang² ini di-hantar ka-luar negeri dan apakala balek mereka ini akan berkhidmat dengan kompeni atau sharikat yang menghantar itu. Ada-kah pihak Kerajaan sedar dan bagaimana chara mengatasi-nya?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saperti yang saya katakan tadi pihak Kerajaan sentiasa menggalakkan bagi memberi latehan² ini kepada orang² Melayu dan response-nya sangat-lah baik dan berfaedah kepada kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menggambarkan tentang perka-taan-nya penerimaan di-kalangan swasta ini chukop baik.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Saya tidak erti hendak menggambarkan-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Maksud saya ia-lah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini tentang penerimaan daripada kalangan swasta di-atas permintaan atau pun arahan Kerajaan dalam hal yang tersebut. Erti-nya bagaimana sekarang ini sambutan²-nya, berapa-kah sharikat² yang telah menghantar kaum bumiputra berlateh di-luar negeri dan sa-bagai-nya.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Saya minta notis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Ada-kah Timbalan Menteri sedar bahawa kekurangan bilangan pekerja² mahir yang terdiri daripada ra'ayat negeri ini, khas-nya orang² Melayu sangat besar dan jika kita mahu mengatasi soal ini, masaalah ini sangat mustahak bahawa sistem pelajaran kita boleh mengeluarkan murid² yang ada pengetahuan dalam subject² saperti sains dan hisab, tetapi daripada keputusan Peperiksaan Nilai Darjah Lima untuk tahun 1971 kalau kita tengok sahaja butir² keputusan daripada Sekolah Rendah Kebangsaan, maka keputusan peratus kegagalan (failure) dalam ilmu hisab dan ilmu sains awalan sangat tinggi, umpama-nya di-negeri Kedah 63% murid² yang gagal dan 55% murid gagal dalam

sains. Bagitu juga di-Kelantan 60% gagal dalam ilmu hisab dan 54% murid gagal dalam sains. Ini menunjukkan bahawa base untuk dapat satu latehan dalam sains dan kerja kemahiran tidak ada, apa-kah langkah Kerajaan sedang ambil untuk mengatasi masaalah itu?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saperti Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, Kerajaan ada-lah mengikut Dasar Pelajaran Kebangsaan kita sekarang ini, dan kita ada-lah sentiasa hendak mengatasi-nya kedudukan ini. Insha' Allah dengan kerjasama daripada pihak Pembangkang, saya rasa masaalah ini kita boleh dapat atasi.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Peruta, mengikut jawapan daripada Menteri yang berkenaan bahawa untuk meramaikan ahli² bumiputra dalam jawatan pekerjaan mahir di-kilang² satu daripada-nya ada-lah mendirikan sekolah² Institiut Teknologi MARA, bila-kah agaknya Kementerian yang berkenaan ini menggalakkan MARA untuk mendirikan sa-buah Maktab Kemahiran itu di-negeri saya, negeri Perak.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini berthabit dengan Kementerian Pelajaran, walau pun saya tahu, tetapi untuk penjelasan yang tepat dan teliti-nya, saya rasa patut-lah diberi notis kepada Menteri Pelajaran.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Kerajaan menimbangkan dan meninggikan lagi kemudahan² latehan saperti membanyakkan lagi sekolah² vokeshenal di-kawasan² luar bandar dan di-perkampungan baharu, sa-jauh ini kemudahan² latehan saperti ini tidak ada langsung sa-kali.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, ini saperti yang saya telah terangkan tadi dalam jawapan saya daripada awal mengatakan Kerajaan sedang hendak membuaatkan latehan² kemudahan² kepada semua gulongan ra'ayat baik daripada luar bandar sama juga dalam bandar dan saya harap tidak berapa lama lagi, saperti saya kata tadi semua kesulitan ini akan dapat kita atasi.

Tuan Valentine Cotter: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu

bagaimana-kah bumiputra² saperti orang² Dayak, Iban, Kayan dan Malanau di-Malaysia Timor boleh di-ambil bekerja?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tidak ada bedza, Tuan Yang di-Pertua; boleh, semua tidak ada perbedzaan.

ORANG² ASING TINGGAL DI-MALAYSIA—KEBENARAN

3. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan orang² asing yang telah di-beri kebenaran untuk tinggal di-Malaysia saperti pada tarikh 31hb Disember, 1971 dan berapa ramai-kah daripada mereka (a) yang bekerja di-negara ini; dan (b) yang berniaga.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak menerangkan sama ada kebenaran yang di-maksudkan itu ada-kah bagi orang² asing yang tinggal sa-chara sementara atau tetap di-negeri ini. Tetapi mengikut "context" soalan itu mungkin tujuan-nya untuk mendapat tahu tentang kedudukan mereka² yang di-benarkan tinggal sementara atas Pas Lawatan untuk bekerja dan juga berniaga. Bilangan mereka ini yang maseh berada di-negeri ini hingga 31hb Disember, 1971 adalah saperti berikut:

(a) Atas Pas untuk bekerja	3,025 orang
(b) Atas Pas Lawatan (berniaga)	50 orang sahaja

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ini memberitahu Dewan dalam angka yang telah di-sebutkan tadi, ada-kah di-antara-nya ra'ayat Israel?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, atas apa yang saya ketahui salah sa-orang daripada ra'ayat Israel telah di-berikan bertugas di-Universiti Sains Pulau Pinang, ada-kah benar atau tidak?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Sa-tahu saya tidak ada, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh beri nama, saya boleh siasat.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Sedar-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sa-jumlah angka² expatriate di-negara kita sangat tidak puas hati kerana sangat ramai dan daripada satu kajian (survey) oleh Association of Management Staff yang baharu yang melibatkan 75 buah kilang² dan manufacturing firms, survey itu menunjukkan bahawa expatriate—orang² yang bukan warganegara Malaysia ada memegang 80% jawatan² Pengerusi di-kompeni² dan 77% ada memegang jawatan Managing Director, 76% ada memegang jawatan Executive Directors, 56% memegang jawatan Directors dan 55% memegang jawatan Pengurus (Manager), bukan-kah itu sangat tidak puas hati dan apa-kah langkah akan di-ambil untuk mencheptakan Malaysianisation untuk membolehkan warganegara Malaysia memenohi jawatan² tinggi di-kilang² dan juga di-semua tempat swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan di-sabelah sini memberi tahu dan memberi pertanyaan dan menjawabkan soalan itu. Di-bahagian Ahli Yang Berhormat chuma bertanya sahaja, sa-belah sini Menteri menjawab-nya. Saya dapati Ahli Yang Berhormat selalu suka memberi keterangan, sudah habis semua keterangan dan sudah chukop keterangan di-tanya, apa lagi hendak di-jawab!

Tuan Lim Kit Siang: Pertanyaan itu ada sedikit ma'alumat, untuk keterangan

Tuan Yang di-Pertua: Ma'alumat itu chara ma'alumat, bukan soalan tambahan.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri, ada-kah Kerajaan mengenakan apa² bayaran ia-itu permit fee kepada orang² ini, kalau ada tidak-kah boleh bayaran itu di-buat pada tiap² tahun, kerana ini akan mendatangkan revenue yang baik kepada Kerajaan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Ada bayaran-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta, kalau saya boleh menerangkan sa-mula kepada soalan saya. Soalan saya, sedar-kah daripada angka² tadi yang di-sebutkan bahawa proses Malaysianisation tidak puas hati dan boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri

menerangkan apa-kah langkah yang telah di-ambil untuk mencheptakan Malaysianisation process?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan kata puas hati atau tidak puas hati itu ada-lah fikiran Ahli Yang Berhormat itu sahaja.

Berkenaan dengan soalan beliau itu Tuan Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun membuat ucapan dasar dalam Dewan ini dalam persidangan yang lepas berkenaan dengan Malaysianisation, kerja² dan jawatan² dalam kilang² dan sa-bagai-nya. Jadi tidak-lah payah saya mengulangkan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Sedar-kah bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa perasaan tidak puas hati bukan sahaja perasaan saya sendiri, tetapi perasaan Association of Management Staff pun baharu² ini telah pun baharu² ini University of Malaysia Graduate Society (Selangor) dalam akhbar pun ada mengeluarkan kenyataan bahawa mereka tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang saya tidak suka mendengar di-jadikan perbahathan. Ini masa soal jawab sahaja, kalau tidak boleh buat soalan yang terang, kalau buat soalan yang tertentu dan tepat, jangan buat soalan pada masa ini, buat satu ucapan kemudian atau apa².

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa di-dalam gulongan pertanian, estet² besar maseh ada lagi pegawai² yang memilih orang asing dan oleh sebab Fakulti Pertanian di-Universiti Malaya dan Universiti Pertanian yang akan mengambil mahasiswa tahun depan, maka negara kita ada-lah mempunyai Agriculturist yang chukop untuk memenohi jawatan² tersebut. Jika Timbalan Menteri sedar, apa-kah tindakan yang beliau akan ambil supaya orang yang menjadi warganegara tanah ayer kita dapat bekerja di-bahagian pertanian?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain daripada soalan ini, tetapi bagi ma'aluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedar bahawa ada lagi jawatan² yang di-pegang oleh

orang² dari seberang laut atau expatriate dalam estet², tetapi memang perkara ini di-kaji dari sa-masa ka-samasa oleh Jawatan-kuasa Malaysianisation dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan selalu di-gantikan kalau ada sahaja kaki-tangan daripada orang tempatan, warganegara kita sendiri, tetapi maseh lagi tidak menchukopi pada hari ini untuk menggantikan mereka itu.

MESHUARAT MAJLIS PERPADUAN—MENGADAKAN

4. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan bila-kah Meshuarat Majlis Perpaduan akan di-adakan oleh kerana meshuarat yang lalu telah di-adakan kira² lebeh daripada sa-tahun yang lalu.

Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, Majlis Penasehat Perpaduan Negara di-jadualkan bermeshuarat pada bulan November.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa-kah Majlis Perpaduan Negara itu tidak di-panggil bermeshuarat semenjak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bertugas. Ada-kah ini di-sebabkan yang Kerajaan sekarang ini memandang yang Majlis Perpaduan Negara ini tidak berguna atau kerja²-nya telah gagal?

Tun V. T. Sambanthan: Soalan ini Ahli Yang Berhormat boleh tanya di-dalam Majlis Perpaduan Negara apabila ia bermeshuarat kelak.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri Perpaduan Negara memberitahu Dewan Ra'ayat ini, kapada kami, apa-kah langkah² yang telah di-ambil bagi meninggikan taraf perpaduan negara semenjak Yang Berhormat Menteri itu bertugas di-Kementerian tersebut?

Tun V. T. Sambanthan: Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Ahli Yang Berhormat boleh sabar sedikit, boleh-lah beliau mendapat jawapan-nya pada 22 hari-bulan nanti.

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara memberitahu Dewan ini, apa-kah sebab-nya pada masa sekarang Jawatan-kuasa² Muhibbah Peringkat Negeri dan Daerah tidak mengadakan apa² meshuarat sa-terus-nya pada masa sekarang? Kita tidak boleh katakan tidak ada apa² pergaduhan dalam negeri. Kita selalu nampak parti² politik bergaduh di-antara satu sama lain. (*Ketawa*).

Tun V. T. Sambanthan: Ini soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian yang berkenaan ini sa-lama menjalankan tugas-nya sa-bagai Menteri Perpaduan Negara di-dapati ada anasir² yang menentang perpaduan. Apa-kah langkah² yang di-ambil untuk mengatasi masa-alah ini? Ada terdapat atau pun tidak?

Tun V. T. Sambanthan: Ini pun soalan lain, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*).

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tiap² soalan yang telah di-kemukakan kebanyakan-nya di-jawab soalan lain, tetapi saya harap soalan ini ia-lah soalan yang betul sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua: Saya yang mengizinkan, jangan lupa. Saya ada dudok di-sini. Di-sebabkan di-sertakan soalan itu menjadi soalan lain, oleh kerana di-izinkan begitu.

Tuan Goh Hock Guan: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Semenjak menjadi Menteri, ada-kah Yang Berhormat Menteri itu telah pergi melawat ka-Sarawak dan Sabah, di-mana masaalah² perpaduan sangat² burok dan sangat di-perlukan dengan segera, di-pandangkan begitu banyak rintangan dan kesukaran di-Malaysia Timor. Jika Yang Berhormat menteri belum lagi mengunjung Malaysia Timor, bila-kah beliau berchadang hendak melakukan lawatan itu?

Tun V. T. Sambanthan: Soalan itu pun lain juga. (*Ketawa*).

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam banyak tempat di-Malaysia Timor tiada termasuk Ahli²

Pembangking dalam Jawatan-kuasa Perpaduan. Apa-kah langkah yang akan di-ambil oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil pehak Pembangking menduduki di-dalam Jawatan-kuasa Peringkat Daerah atau pun Negeri supaya dapat masuk dalam Majlis Perpaduan Negara?

Tun V. T. Sambanthan: Hal ini saya boleh timbangkan.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Majlis Perpaduan Negara ia-lah untuk menchapai perpaduan negara dan dengan hal yang demikian, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, boleh-kah Yang Berhormat Menteri menerangkan kepada kami bagaimana-kah chara yang tepat ia-nya berharap menchapai perpaduan negara. Apa-kah Master Plan yang besar, yang di-punyai-nya dan bagaimana-kah tujuan-nya bagi melaksanakan ranchangan yang tinggal hanya dalam masa tiga tahun yang singkat ini sa-belum Pilehanraya Umum?

Tun V. T. Sambanthan: Soalan ini sudah pun di-jawab tadi, Tuan Yang di-Pertua.

RUMAH² BAHARU PEKERJA² KERETAPI—PEMBENAAN

5. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah rumah² baharu yang akan di-bena untuk pekerja² keretapi di-seluruh Malaysia Barat pada tahun 1972, 1973, 1974 dan 1975 dan jumlah rumah² yang ada sekarang yang akan di-baiki dan/atau di-perbesarkan di-tahun² yang sama.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua,

(a) 2 blok (96 yunit) rumah baharu sedang di-bena di-Bukit Bangsar dan di-jangka siap dalam bulan Oktober 1972 ini.

(b) 2 blok (96 yunit) lagi rumah pangsa di-Bukit Bangsar sedang di-timbangkan dan 1 blok (48 yunit) di-Sentul dan 1 blok (48 yunit) di-Ipoh apabila keadaan kewangan Keretapi membenarkan, kita akan mulakan ranchangan² itu.

Rumah² yang akan di-baiki ada 673 buah.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, benar-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa rumah² pekerja keretapi di-Bukit Bungsar ada mempunyai satu kamar sahaja dan keluarga² semua sa-kali tidor di-satu kamar sahaja? Boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyiasat untuk memberi lebih kamar kepada sa-saorang pekerja dalam ranchangan yang baharu ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu, Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat mesti tahu, ada sa-buah Jawatan-kuasa menimbangkan segala²-nya. Atas sebab² itu juga saya menjawab dalam Uchapan Penanggohan berhubung dengan Ranchangan Perumahan Bukit Bungsar ini. Sa-bberapa segera kita akan timbangkan, terutama sa-kali keadaan yang burok dan merbahaya sa-kali.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun Kementerian ini akan mengadakan rumah² baharu untuk pekerja² keretapi, tetapi atas sebab apa-kah rumah² lama yang ada sekarang tidak di-beri kuasa letrik, sunggoh pun kuasa letrik di-kawasan sa-keliling sudah ada? Mengapa-kah rumah² pekerja keretapi itu tidak dapat kuasa letrik?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan siasat. Saya akan minta Pengurus Besar (General Manager) itu menyiasat atas perkara ini.

Tuan Fan Yew Teng: Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa rumah² pekerja Keretapi Tanah Melayu di-Rawang keadaan-nya ada-lah sangat burok. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri menimbangkan dengan teliti-nya untuk membaiki atau membena rumah² yang baharu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Perkara ini akan di-timbangkan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Boleh-kah Menteri Perhubungan membuat siasatan atau survey antara keluarga pekerja² keretapi supaya pehak Keretapi boleh membena rumah yang chukup besar untuk kegunaan pekerja²-nya. Oleh sebab saperti yang di-nyatakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat yang mana beliau mengatakan rumah² di-Bukit Bangsar chuma ada sa-buah bilek sahaja, tetapi

sa-kira-nya sa-orang pekerja keretapi ada mempunyai lima enam orang anak dan sa-orang isteri, bagaimana-kah sa-buah bilek boleh chukup untuk kediaman-nya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu apabila hendak membena bangunan yang baharu ini tentu-lah yang standard bagi kakitangan² IMG atau Division IV—bukan sa-buah, sa-kurang²-nya dua buah bilek. Tetapi kalau kita hendak menyediakan untuk 10 orang anak atau 20 orang anak, itu tidak boleh-lah. Keretapi pun telah rugi sa-banyak \$17 juta. Saya suka memberi pengakuan di-sini, pehak Pengurus Besar Keretapi telah berunding dengan semua kaki-tangan² keretapi kerana mereka sa-bagai pegawai Kerajaan mengikut pengakuan (recommendation) Tan Sri Suffian bahawa mereka juga boleh meminjam wang sa-kira-nya mereka mendapat tanah Kerajaan dengan harga yang murah, mereka boleh mendirikan rumah-nya sendiri. Dengan sebab itu, kita tidak hendak membaharui semua quarters, nanti apabila mereka semua sudah buat rumah quarters semua kosong sahaja, ini membazir.

Dr Tan Chee Khoon: Soal tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar, oleh sebab gaji kaki-tangan atau pekerja² Keretapi begitu rendah, bagaimana-kah mereka boleh menyimpan wang untuk membena rumah sendiri?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu mesti-lah faham bahawa sa-suatu yang hendak di-buat oleh Kerajaan, tentu-lah ada ranchangan-nya sa-bagaimana yang biasa. Kalau pegawai² Kerajaan yang lain sa-umpama Division IV boleh mampu dengan bayaran beberapa ringgit tiap² bulan; itu ada atoran-nya.

Tuan V. David: Dalam ranchangan rumah² baharu yang di-buat di-Bukit Bangsar hanya di-adakan sa-buah kamar sahaja, bagaimana pula ranchangan baharu ini? Boleh-kah Yang Berhormat Menteri memberi keterangan dalam Dewan ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan menyiasat Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat sungguh pun tidak mewakili kawasan Bangsar lagi, dia boleh bersama²

menengok di-tempat² baharu yang akan di-buka bolehlah tengok sendiri, jangan dengar cherita orang!

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika Perkhidmatan Keretapi tidak boleh membena rumah² yang sesuai untuk kaki-tangan-nya, boleh-kah Menteri yang berkenaan menggalakkan ranchangan keluarga antara kaki-tangan keretapi supaya mereka tidak perlu memohon rumah besar daripada Perkhidmatan Keretapi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu ini sa-orang doktor dan banyak pengundi² di-kawasan-nya itu orang² dia juga, tolong-lah bersama² Yang Berhormat sa-bagai doktor, bagi saya Insha' Allah.

Tuan V. Veerappen: Soal tambahan. Boleh-kah Menteri menimbangkan perkara ini ia-itu rumah² yang lama yang ada sekarang chuma ada sa-buah bilek sahaja, boleh-kah Kementerian menchari satu jalan supaya di-pinda untuk di-buat dua bilek dalam sa-buah rumah. Ini saya nampak banyak tempat² lain di-buat, tetapi pehak Keretapi tidak buat, kerana saya nampak banyak rumah² keretapi kosong.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Pehak Keretapi memang menimbangkan kalau rumah itu terlampau kecil, duit-nya kurang; kalau hendak bena baharu, kita terpaksa buat dua bilek di-jadikan satu, tetapi kita kena bena juga buat bahru sa-buah. Ini memang ada di-siasat, ada di-jalankan.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, dua minggu yang lepas di-dalam surat khabar mengatakan sa-buah rumah Keretapi Tanah Melayu Jalan Bangsar telah di-langgar oleh sa-buah kereta. Sa-masa itu sa-orang ibu dalam rumah itu sedang berehat, tiba² kereta itu melanggar-nya dan kaki-nya patah. Sampai sekarang dia tidak mendapat apa² sugu hati pun. Keretapi Tanah Melayu tidak ada membayar-nya. Dan pekerja² di-rumah itu telah meminta rumah yang lain, itu pun belum di-beri lagi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu bercherita, saya tidak boleh jawab.

Tuan V. David: Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak atas hal ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan menyiasat perkara ini menerusi Pengurus Besar. Tentu-lah pihak Keretapi mengambil berat. Tetapi perkara² yang kecil seperti ini hendaklah di-rundingkan sama dengan pegawai² yang berkenaan. Kalau perkara yang kecil di-bawa di-Dewan ini, ada-lah membuang masa Dewan sahaja.

TEKSI² DI-PULAU PINANG— MENJALANKAN

6. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) sama ada benar atau tidak lesen² teksi untuk menjalankan teksi di-Negeri Pulau Pinang telah di-keluarkan kepada bekas Ahli² Parlimen dan bekas Ahli² Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, dan jika ya, nyatakan nama² bekas Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri itu; dan
- (b) sama ada benar atau tidak yang polisi Kementerian-nya ia-lah mengeluarkan lesen² kepada mereka yang memandu teksi² mereka sendiri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan mengeluarkan lesen² teksi atau kereta sewa kepada pemohon² yang terdiri daripada orang² awam atau civilian dengan berasaskan kepada kelayakan sa-saorang pemohon itu dan bukan kerana sa-saorang itu bekas Ahli Dewan Ra'ayat atau bekas Ahli Dewan Undangan Negeri. Mereka tidak ada chap di-sini pun atau pun dalam surat permohonan-nya tidak ada di-tarok chap, semua orang yang memohon itu di-sifatkan sa-bagai civilian application atas nama mereka sendiri. Lembaga Pelesenan juga tidak dapat mengetahui sama ada permohonan² itu terdiri daripada bekas Ahli Dewan Ra'ayat atau bekas Ahli Dewan Undangan kerana apabila mereka memohon lesen teksi atau kereta sewa mereka memberi nama² mereka dan tidak di-perlukan mereka menyatakan keanggotaan mereka di-dalam mana² Dewan pun.

- (b) Jika ada kekosongan pengkalan teksi atau pun kereta sewa pertimbangan akan di-beri kepada pemohon² yang berkecayaan termasuk mereka yang akan memandu teksi atau kereta sewa mereka sendiri.

Tuan V. David: Yang Berhormat Menteri Perhubungan berkata Majlis Pelesen ini adalah bebas—tidak boleh di-paksa. Kami parti Pembangkang ini hendak tahu, bagaimana-kah Aziz Ibrahim yang dahulu-nya menjadi EXCO Kanan Negeri Pulau Pinang dapat tiga buah teksi, ada-kah dia sa-orang pemandu kereta?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah pertanyaan-nya? Saya tidak mahu ini di-jadikan foren politik.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Majlis Pelesen ini champor atas hal politik. Dia bukan-nya bebas. Kalau Majlis Pelesen ini bebas, kami tidak bawa soalan ini di-Dewan ini. Kita hendak tahu dengan terang²-nya, siapa yang telah kalah dalam pilihanraya dahulu telah mendapat beberapa buah teksi. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri itu memberi tahu atas hal ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah pertanyaan-nya sekarang ini, saya hendak jawab.

Tuan V. David: Saya hendak bertanya bagaimana Tuan Aziz Ibrahim mendapat teksi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak tahu, tidak ada dalam rekod saya. Saya telah terangkan bahawa Majlis Pelesen ini ia-lah sa-bagai semi-judicial Board. Kalau Ahli Yang Berhormat sendiri mahu minta-nya sa-bagai V. David, kita akan timbangan kelayakan-nya.

Tuan V. David: Kami bukan macham korpsi itu, kami tidak mahu.

Tuan V. Veerappen: Sungguh pun Yang Berhormat Menteri tidak boleh memberi tahu nama² orang yang di-beri lesen² itu, tetapi nampak-nya Yang Berhormat Menteri tahu bilangan teksi² yang sudah di-beri lesen di-dalam Pulau Pinang dan boleh-kah

Menteri memberi tahu bilangan-nya ini, ada-kah teksi² yang berlesen "pusing²" itu (*Ketawa*)

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan ini sa-orang loyar, saya pun loyar juga. (*Ketawa*). Jangan-lah pusing²kan pertanyaan itu. Saya kata, ini satu soalan yang lain. Soalan tadi ada-kah Ahli² Parlimen atau Ahli² Dewan Undangan Negeri di-beri, saya sudah jawab. Majlis Pelesen tidak memberi atas nama bekas Ahli Majlis Undangan Negeri atau Dewan Ra'ayat. Habis mati soalan ini.

Sekarang soalan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan hendak pusingkan balek, saya pun loyar juga, saya tidak boleh jawab itu, itu soalan yang lain.

Tuan V. Veerappen: Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di-Pulau Pinang "teksi pusing²" itu terlampau kurang?

Tuan Yang di-Pertua: Teksi pusing² apa ini? (*Ketawa*)

Tuan V. Veerappen: Cruising taxis—pusing². (*Ketawa*) Terlampau kurang. Tuan Yang di-Pertua, dan tourist² yang datang selalu complain. Fasal itu-lah saya minta ada-kah di-beri teksi pusing² itu. Kalau tidak ada, boleh-kah di-beri lesen baharu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kalau ada permohonan, kita akan timbangan. Tetapi traffic police dan kita juga sendiri tidak menggalakkan teksi pusing². Ini merbahaya. Sekarang ini tiap² hari dalam surat khabar pun banyak orang mati berlanggar. Tetapi kalau dia mahu air-conditioned limousine for the tourists, itu Tourists Association mesti beri akuan, boleh memohon dan kita akan timbangan.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, bukan dasar ini satu dasar

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan masaalah apa itu?

Tuan V. Veerappen: Berhubung dengan jawapan sahaja. Ini ada-lah satu dasar yang

tidak patut, kerana tourist² dan juga penduduk² di-Pulau Pinang, atau pun di-bandar² tidak dapat peluang hendak menggunakan teksi pusing². Banyak bandar yang ada mempunyai teksi pusing² ini. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan tambahan!

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Maksud soalan ini ia-lah ada-kah bekas Ahli² Parlimen dan State Assemblymen yang kalah dalam pilihanraya umum tahun 1969 dapat reward (compensation) kerana kekalahan-nya dan dapat lesen² teksi di-Pulau Pinang. Dan dengan kerana itu ada-lah satu perkara yang berkaitan dengan korupsi dan jikalau kita boleh beri butir² seperti nombor teksi (nombor kereta) bekas Ahli² Parlimen, bekas State Assemblymen di-Pulau Pinang yang bukan sahaja dapat satu lesen, bahkan dua tiga lesen, boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam perkara ini siasat dan terek balek lesen² bagitu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, dia hendak perentah saya supaya menarek balek lesen² mereka, ini tidak kena pada tempat-nya. Soalan-nya saya sudah jawab tadi. Majlis Pelesen ia-lah semi-judicial Board. Dia menimbangkan atas permohonan bukan atas bekas Ahli Majlis Meshuarat Undangan Negeri atau pun Parlimen dan ini jauh sa-kali fasal reward. They are impartial bodies, daripada apa segala yang di-sharatkan. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, dia hendak memohon, dia boleh memohon, nanti di-siasat sama ada dia layak atau tidak layak. Dia menjadi Ahli Parlimen atau tidak. Ada-kah dia boleh memandu kereta atau pun tidak. Tetapi kalau layak di-timbangan, dia boleh di-beri. Siapa² yang tidak puas hati, boleh appeal. Itu boleh sampai Menteri menyiasat balek, on appeal. Tetapi kalau tidak ada orang appeal, itu berma'ana orang itu bersetuju atas keputusan Majlis Pelesen. Habis-lah kesah.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Jikalau DAP kalah, kami tentu tidak meminta lesen² teksi sama ada satu dua atau tiga keping. Sedar-kah Yang Berhormat Menteri bahawa pemandu² teksi dan orang ramai di-Pulau Pinang yang memohon lesen² teksi sangat berasa kechewa, berasa

tidak puas hati kerana mereka tidak boleh dapat lesen. Tetapi orang lain seperti bekas Member of Parliament, bekas State Assemblymen boleh dapat bukan sahaja satu bahkan lebih daripada satu dan mereka tidak memandu sendiri?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan-nya apa?

Tuan Lim Kit Siang: Soalan-nya ia-lah perkara itu sangat tidak adil. Bila orang ramai

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan. Saya suka hendak mendengar soalan. Apakah soalan-nya?

Tuan Lim Kit Siang: Soalan-nya ia-lah ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa orang ramai, orang² yang menganggor, orang² yang betul memandu teksi tidak dapat lesen bila orang² lain seperti bekas MP, bekas State Assemblymen boleh dapat lesen. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri siasat dan memberi lesen kepada orang² yang memandu teksi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini fikir kalau hendak tambah lesen, di-Pulau Pinang ada lima kosong yang meminta sa-ribu, jadi yang dapat lima sahaja. Sebab itu kita selalu beri nasihat berkongsi-lah dua tiga orang. Sudah itu bergaduh pula. Jadi ini yang menjadi susah. Mereka² yang belum dapat lesen, ia bebas memohon bila² ada kekosongan di-iklankan di-surat khabar.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri yang berkenaan telah menyatakan di-antara syarat² si-pemohon lesen teksi mesti-lah ada berpengalaman memandu teksi. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, tadi rakan saya Ahli dari Dato Kramat telah menyebutkan suatu nama, saya tidak mahu sebutkan nama itu, tetapi soalan yang saya hendak tanya kepada Menteri yang berkenaan ia-lah, jika apa yang di-sebutkan oleh rakan saya benar, boleh-kah Menteri yang berkenaan menyatakan orang itu ada berpengalaman untuk memandu teksi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak boleh hendak beri jawapan ini oleh kerana ini ada-lah soalan lain. Kalau hendak tanya satu soalan yang lain, kita boleh jawab.

Tuan V. David: Boleh-kah Kerajaan mengadakan satu ranchangan siapa² yang meminta lesen teksi hanya orang² yang memandu sahaja yang boleh dapat lesen teksi. Orang yang tidak boleh membawa kereta tidak boleh dapat?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu pernah berjumpa saya, sekarang saya chakap dan ia bagi pehak mereka ada memohon, sila memohon, Majlis Pelesen akan menimbangkan, tetapi jangan tuduh ta' tentu arah. Dia menjalankan keadilan.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, pemandu yang memohon teksi itu tidak dapat, orang yang tidak membawa teksi ada dapat.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini banyak salah faham daripada Yang Berhormat terutama sa-kali yang bukan bumiputra. Teksi daripada masa yang lampau sampai sekarang pun ada quota lagi, umpama-nya di-negeri Kelantan dan Trengganu quota bumiputra belum habis. Oleh sebab itu, kalau permohonan daripada bukan bumiputra, terpaksa tidak di-layan. Ini yang menjadi soal pokok. Tetapi apabila quota bumiputra sudah penoh, akan di-buka kepada semua orang. Ini juga Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat membangkitkan beberapa kali mengungkit², kenapa orang India tidak dapat, kenapa orang China tidak dapat. Ini bukan commercial basis. Apabila ada kekosongan, semua boleh memohon, Majlis Pelesen akan menimbangkan. Apabila sudah penoh quota bumiputra atau orang Melayu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Menteri kata perkara quota, bukan kita minta perkara quota. Apa yang saya tanya, ada-kah Kerajaan mempunyai satu ranchangan yang tetap ia-itu pemandu sahaja yang boleh memohon? Orang² yang lain tidak boleh mendapat lesen teksi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kita telah mengadakan dasar tiap² pemohon akan di-timbangkan daripada segala segi. Orang yang minta itu, kalau dia hendak dapat, memohon limousine, kerana membawa tourist, ini saya sudah terangkan tadi.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri ada chakap di-satu kawasan ada satu quota dan semua orang pun tahu di-satu kawasan banyak orang mahu bertanya lesen teksi. Kenapa ada orang boleh dapat dua atau tiga atau empat lesen? Itu ada-lah tidak betul, kenapa?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini satu pertanyaan baharu yang saya hendak jawab. Barangkali zaman dahulu, zaman BMA dia ada tiga empat atau sa-puluh, macham mana kita mahu rampas lesen-nya sekarang? Itu tidak boleh!

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Berpuncha daripada jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai teksi bahawa Majlis Pelesen sa-bagai semi-judicial dan dengan tidak pereksa apa² latar belakang bekas Ahli Parlimen atau bekas Assemblymen, sudah-kah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa jikalau perkara yang samacham ini bersangkut paut dengan bekas Ahli Parlimen, bekas Assemblymen Perikatan tidak di-terangkan, orang ramai akan hilang kepercayaan kepada keadilan Majlis Pelesen ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kita buat undang² dan di-luluskan di-Rumah yang berbahagia ini. Undang² dan peratoran² Majlis Pelesenan ada procedure-nya. Bukan-nya Ahli Yang Berhormat sendiri hendak mendakwa sekarang ini, sa-siapa yang tidak dapat teksi, kalau ada 50 orang yang memohon yang dapat chuma 5 orang sahaja kalau ada 5 kekosongan. 45 orang dia boleh minta ulang bichara. Apabila di-dalam ulang bichara itu-lah nanti akan di-siasat, tetapi kalau sa-lama ini ta' ada minta ulang bichara, jadi bawa di-sini benda yang sudah di-putuskan. Ini di-ungkit²kan di-sini dan saya tidak mahu menyebut² perkara perkauman nanti. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ini kena-lah ingat sedikit.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar ia-itu bilangan teksi di-bandar², semua bandar² dalam Malaya di-dapati kurang dan teksi² sapu bertambah banyak bilangan-nya dan dalam bandar Taiping sahaja hampir 100 buah teksi sudah di-tahan dalam sa-hari sahaja, kerana teksi² sapu itu maseh di-gunakan

oleh orang ramai. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri tambah

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dahulu. Saya hendak tahu teksi apa tadi?

Tuan V. Veerappen: Teksi ta' ada lesen, private taxi—"sapu kereta" (*Ketawa*). Oleh kerana kereta macham itu ada banyak dan ada bukti, Tuan Yang di-Pertua, kerana Polis di-Taiping sudah menangkap-nya hampir 100 buah teksi macham itu dalam masa satu hari sahaja. Dengan kerana itu nampak-nya teksi dalam negeri kita bilangan-nya bertambah kurang. Boleh-kah Kementerian ini menambahkan lesen, beri lebih lesen dalam negeri kita.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini patut tahu berkenaan dengan lesen teksi. Berpuluh² sudah ada teksi yang ada di-Taiping, tetapi dia menjadi (express)—Taiping-Butterworth, Taiping-Kuala Lumpur. Kalau ta' perchaya, kita ambil nombor teksi² itu. Oleh kerana itu teksi sapu di-mana² dunia pun ada sebab dia ta' ada insuran, sebab dia ta' ada vehicle examination tiap² 6 bulan, kereta sudah tidak layak pun jalan juga. Sebab itu kalau ada teksi sapu kita akan sapu, sudah sapu, kita akan rundingkan, bas kechil sedang di-rundingkan sekarang di-Kamunting. Ahli Yang Berhormat dari Batu pun sudah berchakap kepada saya dan saya sudah talipon terus kepada orang yang berkenaan di-sana dan telah di-arahkan. Sabar sedikit, dia sedang mengatorkan langkah² mengenai bas kechil ini.

Tuan Peter Paul Dason: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, ramai pemandu² teksi tidak mempunyai teksi-nya mereka pandu. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini sama ada Kerajaan akan menimbangkan untuk mengadakan satu ranchangan atau satu skim untuk menolong pemandu² teksi di-mana akhir-nya mereka akan mempunyai teksi yang mereka pandu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu kita akan berhubung dengan pihak Persatuan Drebar² Teksi supaya dia memberi pandangan dan chadangan, kita akan pereksa macham mana membaiki, tetapi yang ada sekarang ini drebar² teksi ini dia buat taxi dan express. Sebab itu selalu kita

tuduh ta' chukop di-Taiping, ta' chukop di-Ipoh, ta' chukop di-Kuala Lumpur. Yang sebenar lebih daripada chukop, tetapi dia lari express service yang mana dia tidak di-beri kebenaran. Kalau kita dapat tahu, kita akan potong permit² semua taxi² sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 7 hingga 41 ada-lah di-beri di-bawah ini).

KEMAJUAN PERUSAHAAN GOPENG-KAMPAR—MENIMBANGKAN

7. **Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan dengan bersungguh² untuk menjadikan Daerah Kechil Gopeng-Kampar sa-bagai kawasan kemajuan perusahaan dan jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari) Mengikut ingatan saya Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan pertanyaan yang sama dalam persidangan Parlimen yang lepas. Setakat ini saya tidak mempunyai apa² sebab untuk menukarkan jawapan yang telah di-beri dahulu.

BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN—PENYERTAAN

8. **Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan orang² Dayak yang telah di-beri bantuan untuk mengambil bahagian dalam perdagangan dan perindustrian oleh kerana Kerajaan telah mengisytiharkan keutamaan khas kepada bumiputra dalam perniagaan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Beberapa langkah telah di-ambil untuk melaksanakan dasar Kerajaan terhadap penyertaan Bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perindustrian. Firma² pengilang ada-lah dikehendak² menghaskan peratus tertentu modal saham mereka kepada Bumiputra dan mengambil pekerja² Bumiputra supaya chorak pekerjaan mencherminkan komposisi

penduduk negara ini. Penggalakan² khas boleh di-beri kepada industri² yang ditempatkan di-kawasan luar bandar di-mana kebanyakan Bumiputra tinggal.

Di-samping ini, bantuan untuk mendapatkan pinjaman, rumah² kedai, latehan dan sebagai-nya juga di-berikan kepada Bumiputra melalui badan² tertentu seperti MARA, UDA, SEDC, dan PERNAS.

Ada-lah tidak mungkin untuk menyatakan bilangan orang² Dayak yang telah menerima bantuan terutama-nya di-sebabkan oleh bantuan itu ada-lah di-dalam berbagai² bentuk seperti memberi pinjaman, rumah² kedai dan sebagai-nya yang berbentuk bantuan sechra langsung atau memberi galakan² tertentu di-mana bentuk-nya ada-lah sechra tidak langsung.

Walau bagaimana pun, berhubung dengan pinjaman yang di-berikan oleh MARA untuk membantu Bumiputra di-Sarawak dalam lapangan perdagangan dan perindustrian, pehak MARA telah menyatakan bahawa mereka telah pun memberi pinjaman bernilai sa-banyak \$2.3 juta untuk 596 projek dari 17-3-65 hingga 31-7-72. Daripada jumlah ini \$690,100 untuk 228 projek telah di-berikan kepada orang² Dayak.

SHARIKAT² ELECTRONIC DAN CLARION SDN. BHD.—PEMBAYARAN GAJI

9. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat sama ada beliau sedar bahawa Sharikat Electronic Sdn. Bhd. dan Sharikat Clarion Sdn. Bhd. Pulau Pinang membayar gaji rendah yang bersifat menindas kepada pekerja²-nya dan sama ada pehak Kerajaan akan melantek sa-buah Majlis Gaji untuk menyiasat perkara tersebut dan mengeshorkan gaji yang adil dan menasabah.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam) Kadar gaji di-Sharikat Electronic Sdn. Bhd. Penang dan Sharikat Clarion Sdn. Bhd. di-akui tidak tinggi, tetapi ada-lah sa-tanding dengan kadar yang terdapat di-kawasan itu. Satu Majlis Gaji bagi perusahaan elektronik seluroh-nya akan di-tubuhkan apabila perlu tetapi sekarang ada-lah belum perlu lagi

untuk menubuhkan-nya di-sebabkan perusahaan elektronik adalah maseh lagi di-peringkat awal perkembangan.

SHARIKAT BAS FOH HUP— MENGIKTIRAF KESATUAN SEKERJA

10. Tuan V. David minta Menteri Buroh dan Tenaga Rakyat menyatakan tindakan yang telah di-ambil terhadap majikan yang tidak mahu mematuhi perintah beliau yang di-buat di-bawah sekshen 8 (5) Akta Perhubungan Perusahaan bagi mengiktirafkan sa-buah Kesatuan Sekerja, khusus-nya Sharikat Bas Foh Hup.

Tan Sri V. Manickavasagam: Keputusan yang di-buat oleh saya di-bawah Sekshen 8 (5) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 bahawa sa-buah kesatuan sekerja mewakili majoriti pekerja² bagi sa-suatu majikan ada-lah menchukopi untuk Kesatuan sekerja yang berkenaan itu, jika ia mahu, meneruskan dengan menjemput majikan mengadakan rundingan bersama di-bawah Sekshen 12 (1) Akta itu. Sa-barang keengganan majikan berbuat demikian boleh-lah di-laporkan kepada saya untuk tindakan lanjut sa-bagaimana yang di-bekalkan di-dalam Akta itu. Masaalah majikan enggan mengiktiraf sa-suatu kesatuan sekerja, sa-telah keputusan sa-bagaimana yang di-nyata itu, ada-lah tidak timbul. Mengenai Sharikat Bas Foh Hup, Sharikat itu telah memohon satu 'order of certiorari' di-Mahkamah Tinggi berkenaan dengan keputusan saya. Permohonan ini akan di-dengar pada 28hb Ogos, dan oleh yang demikian perkara itu maseh tertaalok kepada pertimbangan Mahkamah (sub judice) sementara menunggu keputusan Mahkamah.

MAJLIS GAJI BAGI PERUSAHAAN² TEXTILE—SUROHANJAYA PENYIASAT

11. Tuan V. David minta Menteri Buroh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan untuk membentok sa-buah Majlis Gaji bagi menyiasat gaji² yang di-bayar kepada pekerja² Sharikat India/Malaysia Textiles Sdn. Bhd., Butterworth dan mengeshorkan gaji yang adil dan saksama kepada mereka.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kerajaan sedang menimbangkan penubuhan satu

Surohanjaya Penyiasat bagi mengkaji sama ada satu Majlis Gaji patut di-tubuhkan bagi perusahaan² textile keselurohan-nya dan jika Surohanjaya itu di-tubuhkan kelak, Sharikat India/Malaysia Textiles Sdn Bhd. akan termasuk di-dalam Kajian Surohanjaya itu.

TEBU DI-SARAWAK— MEMULAKAN PENANAMAN

12. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada Kementerian beliau merancang untuk memulakan penanaman tebu di-Sarawak, dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kerajaan sedang menyiasat tentang kemungkinan menanam tebu sa-chara besar²an di-Sarawak. Penyiasatan sekarang ada-lah di-tumpukan kepada dua gerakan yaitu untuk menentukan kesesuaian tanah dan perhubungan atas jenis tebu untuk memilih jenis yang sesuai. Sementara itu tanaman tebu di-galakkan di-kawasan pendalaman (remote area) untuk pengeluaran gula merah (brown sugar).

PENEROKA² FELDA DI-SINGKIRKAN

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan peneroka² yang telah di-singkir dari ranchangan² FELDA sahingga hari ini mengikut kaum dan sebab²-nya;
- (b) bilangan yang telah di-singkir tetapi enggan keluar dari ranchangan tersebut, dan tindakan² yang akan di-ambil oleh Kementerian beliau ka-atas mereka yang di-singkir dari ranchangan² FELDA Sendayan dan Bukit Jalor tetapi enggan keluar; dan
- (c) sama ada beliau bersedia menimbangkan sa-mula rayuan² dari mereka² yang telah di-singkir itu untuk menyertai sa-mula ranchangan FELDA jika mereka bersedia mematuhi syarat² dan berjanji akan menjadi peserta yang baik.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (a) Bilangan peneroka² yang telah di-singkir dari ranchangan² FELDA sahingga hari ini berjumlah 97 orang dan

mereka terdiri daripada 90 orang Melayu, 4 orang China, 2 orang India dan 1 dari bangsa lain. Mereka di-singkir kerana melanggar tata-tertib FELDA yang antara lain termasuk meninggalkan ranchangan, tiada menjalankan kerja² di-ladang dan melakukan jenayah.

- (b) Sa-jumlah 6 orang peserta telah di-singkir tetapi enggan keluar dari ranchangan² yang terlibat dan tindakan mahkamah akan di-ambil terhadap mereka untuk mengusir mereka keluar daripada ranchangan² itu dan ini termasuk peserta² yang telah di-singkir dari ranchangan² FELDA Sendayan dan Bukit Jalor.
- (c) Peserta² yang telah di-singkir boleh-lah membuat rayuan kepada Menteri jika mereka mahu.

NELAYAN² PULAU PANGKOR— EXPLOITASI

14. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada ia sedar akan rungutan dari nelayan² Pulau Pangkor Perak, kerana di-exploitasi oleh orang tengah dan jika ya, apa-kah langkah² yang sudah, sedang atau akan di-ambil oleh Kementerian-nya supaya sa-buah Sharikat Kerjasama di-tubuhkan di-sana yang mungkin dapat menghapuskan eksploitasi itu demi kepentingan nelayan² yang malang itu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Oleh kerana menyedari eksploitasi orang² tengah atas kaum nelayan di-Pulau Pangkor maka sa-buah sharikat nelayan kerjasama telah di-tubuhkan. Sharikat sekarang ini giat menjalankan usaha² menangkap dan menjual ikan sechara berbesaran dan membekalkan ayer batu serta minyak kepada ahli²-nya.

JURUTERA² MALAYSIA— BILANGAN PENUNTUT² LULUS

15. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bilangan penuntut² Malaysia yang lulus sebagai jurutera² sejak tahun 1963 dan berapa ramai-kah daripada mereka yang sedang berkhidmat di-dalam perkhidmatan Kerajaan.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Semenjak tahun

1963 sa-jumlah 177 orang jurutera yang mendapat biasiswa Kerajaan Persekutuan telah lulus. 160 orang daripada-nya telah berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya. Angka² yang lengkap tidak dapat di-beri kerana ada penuntut² yang belajar di-seberang laut sa-chara bersendirian.

FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN—MENUBOHKAN

16. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pelajaran menyatakan butir² terhadap chadangan menubuhkan Fakulti Perubatan di-Universiti Kebangsaan.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Datuk Onn): Berikutan dengan keputusan untuk menubuhkan Fakulti perubatan di-Universiti Kebangsaan, satu jawatankuasa Pengkajian Penubohan Fakulti Perubatan telah di-lantek dalam tahun 1971. Jawatankuasa ini telah memberikan shor² yang tetap seperti berikut:

Fakulti perubatan di-Universiti Kebangsaan akan di-tubuhkan dalam tahun 1973. Mahasiswa Fakulti Perubatan akan mulai di-ambil pada bulan Mei, 1973. Bilangan yang akan di-ambil untuk tahun 1973 ia-lah 40, dan bilangan ini akan di-tambah sebanyak 20 pada tiap² tahun sampai meningkat angka maksima-nya sebanyak 100 pada tahun 1976.

Fakulti Perubatan akan di-dirikan di-Kompleks Hospital Besar dan Pusat Penyelidikan Perubatan (I.M.R.). Sebuah bangunan Fakulti akan di-dirikan untuk bahagian² Pra-Klinikal Sains dan juga untuk bahagian² Klinikal. Hospital Besar, Kuala Lumpur, akan di-gunakan sebagai Hospital Pelatih (Teaching Hospital). Perbincangan untuk mengkaji penubohan bangunan Fakulti ini telah pun bermula.

Mahasiswa² Fakulti Perubatan akan mengikuti kursus selama 6 tahun sebelum mereka di-beri ijazah M.B.B.S. Dalam tahun pertama, mereka akan mengikuti Kursus Sains Asas (Pre-medical science). Pada tahun kedua dan ketiga kursus pra-klinikal dan pada tahun keempat, kelima dan keenam, kursus klinikal dan "clerkship" di-Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Pengambilan tenaga pengajar tempatan sudah pun di-uruskan dan untuk tahun ini

sa-ramai 15 orang akan di-hantar keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka di-dalam berbagai bidang.

JURURAWAT² MALAYSIA DI-LUAR NEGERI

17. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) sa-jauh mana-kah beliau berjaya memujuk jururawat² Malaysia di-luar negeri supaya kembali dan berkhidmat di-tanah ayer:
 - (a) dengan rayuan beliau sendiri;
 - (b) menerusi rayuan ibu-bapa mereka; dan
 - (c) dengan menghantar dua orang jururawat ka-luar negeri; dan
- (ii) sama ada beliau boleh menerangkan apa pendapat jururawat² ini terhadap negara, Kerajaan dan masyarakat berkaitan dengan ucapan-nya di-Persidangan Ketua Jururawat dan Jururawat² Pelateh di-Kuching baru² ini dalam mana beliau menyatakan bahawa jururawat² ini tidak tertarik hati untuk berkhidmat kepada negara.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

- (i) Soalan ini ada-lah sama seperti yang di-soal oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor pada 8-8-72 dan Yang Berhormat dari Seremban Barat pada 9-8-72 yang mana telah saya jawabkan. Apabila jururawat² Malaysia di-luar negeri memohon kembali untuk berkhidmat di-Malaysia, mereka tidak pun menyebut sama ada mereka itu membuat perhubungan-nya dengan Kementerian ini akibat dari rayuan saya sendiri atau pun melalui rayuan ibu-bapa mereka itu. Tetapi nyata-lah tidak berikutan dengan pengantaraan dua orang jururawat ka-luar negeri kerana chadangan itu belum pun di-laksanakan lagi.
- (ii) Saya tidak berkata demikian dalam ucapan saya. Saya ingin menasihatkan wakil dari kawasan Kuala Selangor supaya membachsa sa-mula ucapan saya itu. Perlu di-tegaskan di-sini, kiranya jururawat² itu tidak berminat

berkhidmat kepada negara, maka sudah tentu tidak ada jururawat² membuat permohonan untuk pulang berkhidmat sa-bagai jawapan yang diberikan dalam pertanyaan terdahulu daripada ini.

JURURAWAT² MALAYSIA MENGIKUT BANGSA

18. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan mengikut pechahan bangsa daripada sa-jumlah 2,000 jururawat² Malaysia yang ada di-luar negeri seperti berikut:

- (a) Melayu;
- (b) China; dan
- (c) India.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Kementerian saya tidak dapat memberikan bilangan mengikut pechahan bangsa daripada jumlah lebih kurang 2,500 jururawat Malaysia yang berada di-luar negeri oleh kerana angka² ini hanya boleh di-dapati daripada Jabatan Penuntut Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di-London.

SISTEM JURI DALAM KES² PEMBUNOHAN

19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Peguam Negara menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa sistem juri dalam kes² pembunuhan dalam negeri ini boleh mendatangkan ketidak-adilan dan rasuah dan sama ada Kerajaan sedang mengkaji sistem lain yang lebih baik.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Sistem juri telah berjalan dalam negeri ini sa-lama beberapa tahun—sistem itu telah di-mulakan di-Pulau Pinang pada tahun 1807, di-Melaka pada tahun 1826 dan di-lain² Negeri dalam Malaysia Barat, pada tahun 1958. Tidak terdapat apa² tuduhan ketidak-adilan atau rasuah akibat daripada pelaksanaan sistem juri ini. Jika Ahli Yang Berhormat sedar tentang ada-nya hal² tertentu mengenai ketidak-adilan atau rasuah yang timbul dari pembicharaan chara juri, saya minta beliau menyatakan kepada saya. Kerajaan maseh lagi mengkaji sama ada sistem juri dalam negeri ini patut di-kekalkan, di-ubahsui atau di-gantikan

dengan sistem yang lain mengikut kehendak² negeri ini. Pada masa sekarang tidak ada tuntutan dari orang awam atau Majlis Peguam untuk menghapuskan sistem juri bagi kesalahan² hukum bunoh.

PEPEREKSAAN M.C.E.—MENEMPATKAN MURID² KA-TINGKATAN VI

20. Tuan Chan Fu King minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pemegang² sijil MCE Pangkat Satu bagi tahun 1971 yang tidak dapat tempat di-dalam Tingkatan Enam Rendah, dan nyatakan langkah² yang telah di-ambil oleh Kementerian untuk memberi mereka peluang melanjutkan pelajaran mereka.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Jumlah chulun yang mendapat Pangkat Satu dalam Peperiksaan MCE dari kedua² aliran sains dan sastera yang tidak dapat tempat di-Tingkatan Enam Rendah ia-lah 2,190.

Kementerian saya telah mengambil segala langkah yang perlu untuk menempatkan murid² ini tetapi oleh sebab kekurangan guru maka murid² itu tidak-lah dapat di-beri tempat. Walau bagaimana pun murid² ini ada-lah di-galakkan menggunakan kemudahan² kelas pelajaran lanjutan yang di-kelolakan oleh Kerajaan juga.

MOGOK PELAJAR² SEKOLAH IZZUDDIN SHAH/RAJA PEREMPUAN TAAYAH—TUNTUTAN

21. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Pelajaran menyatakan apa-kah daya usaha yang telah di-jalankan oleh Kementerian, bagi menyelesaikan mogok dan tuntutan pelajar² Sekolah Izzuddin Shah dan Sekolah Raja Perempuan Taayah terhadap Pejabat Agama Islam dan Kerajaan Perak.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Kedua² sekolah tersebut ada-lah di-bawah kelolaan Pejabat Agama Islam Negeri Perak. Oleh yang demikian terpuang-lah kepada pehak Majlis Agama Islam Negeri Perak dan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan-nya.

PENUNTUT² SEKOLAH IZZUDDIN SHAH/RAJA PEREMPUAN TAAYAH—KA-TINGKATAN VI

22. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab² Kementerian

Pelajaran enggan menerima penuntut² Sekolah Izzuddin Shah dan Sekolah Raja Perempuan Taayah yang lulus Tingkatan Lima (SPM), untuk masuk ka-Tingkatan Enam di-Sekolah² Kerajaan.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Ini ada-lah tidak benar. Penuntut² dari Sekolah Izzuddin Shah dan Raja Perempuan Taayah jurusan Sastera yang mempunyai Kelulusan baik dalam tiga mata pelajaran "cognate" telah pun di-terima masuk ka-Tingkatan Enam di-Sekolah Menengah Raja Chulan, Ipoh.

BAYARAN MASOK KA-SEKOLAH² BERASRAMA—PEPEREKSAAN DOKTOR

23. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian itu mengetahui bahawa bayaran \$20 kerana peperiksaan doktor yang di-kenakan ka-atas tiap² sa-orang kanak² yang hendak masuk ka-sekolah² berasrama penoh oleh hospital² Kerajaan itu menyusahkan ibu-bapa² yang miskin dari kawasan² luar bandar dan bahawa pada masa yang lalu tiada di-kenakan apa² bayaran sa-umpama itu dan jika ia, sama ada Kerajaan akan mengechualikan bayaran itu.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Kementerian saya sedar akan perkara ini. Ada-lah diputuskan bayaran pemeriksaan perubahan termasuk peperiksaan X-ray sa-banyak dua puluh ringgit (\$20) itu akan di-kurangkan menjadi satu ringgit (\$1) sebagai bayaran namaan sahaja mulai dengan pengambilan murid² ka-sekolah² berasrama penoh bagi 1973. Kemudahan ini terhad kepada murid² yang benar² miskin. Kuasa penentuan kemiskinan murid² yang berkenaan itu di-perturunkan kepada Ketua² Pegawai Pelajaran Negeri² tempat murid² itu bersekolah.

DOKUMEN NEGARA DI-INSTITUSI² LUAR NEGERI—LANGKAH

24. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa ada terdapat lebih daripada 4,000 persuratan mengenai sejarah negara kita tersimpan di-luar negeri; jika ya, apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk mendapat balek dan memelihara naskah² itu.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Arkib dan Perpustakaan Negara sedar bahawa ada dokumen² mengenai negara ini yang tersimpan di-institusi² luar negeri. Langkah² telah di-ambil untuk memperolehi salinan dokumen² ini dengan peruntukan yang terhad yang di-khaskan untuk maksud ini. Jumlah yang telah di-belanjakan untuk memperolehi salinan² ini ia-lah sebanyak \$5,200 dalam tahun 1970, \$9,500 dalam tahun 1971 dan untuk tahun 1972 jumlah-nya ia-lah \$8,000.

NENAS—PERUSAHAAN MENGETIN

25. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada usaha² telah di-buat untuk mengujudkan satu barisan bersama dalam perusahaan mengetin nenas untuk mendapatkan pasaran² yang baik; jika ya, negeri² manakah yang di-chadangkan sa-bagai anggotanya.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tidak ada apa² usaha di-ambil untuk tujuan ini setakat ini dan saya rasa tidak banyak faedah yang boleh di-dapati dari usaha² itu.

KAMPONG² BAHARU—KAJIAN

26. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Tugas² Khas menyatakan sama ada beliau akan meletakkan jawatan dari Kabinet kerana beliau telah tidak di-beri wang untuk menukarkan kampung² baru yang serba kekurangan kepada pusat ekonomi yang maju yang akan dapat memberi tanah, pekerjaan dan rumah kepada 900,000 penduduk² kampung² baru di-Malaysia.

Dr Lim Keng Yaik: Kajian terhadap masaalah² di-kampung² baru belum lagi selesai.

Tidak-lah di-fikirkan mustahak laporan di-bentangkan di-Parlimen sebab kajian ini di-buat untuk mengetahui apa-kah sebenar-nya projek² atau kemudahan yang di-perlukan di-kampung² baru itu dan butir² yang di-perolehi itu kelak akan membolehkan Kerajaan memberi timbangan untuk melaksanakan projek² yang di-fikirkan mustahak.

ESTET BUKIT NENAS— PENGANGGORAN AKIBAT PEMECHAHAN

27. Dr A. Soorian minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Estet Bukit Nenas di-Negeri Sembilan akan di-pechah²kan tidak berapa lama lagi, dan jika ya, nyatakan apa-kah tindakan Kerajaan akan ambil untuk menjamin bahawa penganggoran tidak akan berlaku di-sebabkan pemecahan ini dan apa kah pula nasib Rumah Berhala Hindu di-Rasah sa-lepas pemecahan tersebut oleh kerana Rumah Berhala ini ada-lah di-delolakan oleh suatu jawatan-kuasa pilehan dari estet tersebut.

Tan Sri V. Manickavasagam: Masaalah itu tidak timbul kerana sa-hingga ini, tidak ada permohonan untuk memecahkan Ladang Bukit Nenas itu di-terima oleh Lembaga Tanah Negeri dan sa-belum kelu-lusan Lembaga itu di-perolehi pemecahan ada-lah tidak boleh berlaku.

PENCHARI² KERJA—ANGKA²

28. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Buroh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan orang yang telah mendaftarkan nama mereka di-Jabatan Buroh untuk menchari pekerjaan dan berapa orang telah dapat pekerjaan melalui pusat² pekerjaan ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Berikut ini ia-lah angka² yang menunjukkan penchari² kerja yang telah berdaftar dengan Perkhidmatan Pekerjaan di-bawah Kementerian saya dan yang telah dapat di-tempatkan dalam pekerjaan:

	Malaysia Barat	Malaysia Timor	Jumlah
(a) Bilangan orang ² berdaftar pada 31-12-1971	155,902	1,400	157,302
(b) Bilangan orang ² di-tempatkan dalam pekerjaan dalam 1971	29,445	4,527	33,972
(c) Bilangan orang ² berdaftar pada 30-6-1972	160,722	3,603	164,325
(d) Bilangan orang ² di-tempatkan dari Januari hingga Jun 1972	12,680	2,522	15,202

UNIVERSITI HOSPITAL— MENGADAKAN SISTEM WAD-SATU

29. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) sama ada benar bahawa sistem wad-satu kelas di-rumah² sakit saperti

yang di-chadangkan oleh beliau itu tidak dapat di-laksanakan; dan

- (b) apa-kah baik atau burok-nya sistem ini jika di-bandingkan dengan sistem sekarang dari segi kemudahan kepada ra'ayat dan faedah-nya untuk negara.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

- (a) Sistem wad-satu kelas telah pun diperkenalkan di-Universiti Hospital, Petaling Jaya semenjak tahun 1966 dan sistem ini sedang berjalan dengan lichen dan chekap-nya. Jika sistem ini hendak di-jalankan kepada lain² hospital di-negara ini, mungkin timbul kesulitan² dari segi fizikal dan kewangan yang mana perkara² ini hendak-lah di-atasi terlebih dahulu.

(b) Kebaikan-nya :

- (i) Tidak akan berlaku-nya perbezaan di-antara yang kaya dan yang miskin dan perasaan ini ada-lah baik bagi perpaduan ra'ayat.
- (ii) Sistem ini juga akan menyenangkan kerja² di-dalam pentadbiran bagi menyediakan makanan dan tempat² kediaman yang sama taraf-nya.
- (iii) Selain dari itu ada lebih banyak kelonggaran² dan sa-buah hospital akan dapat menggunakan semua katil² yang ada dengan sapenoh-nya.

Keburokan²-nya :

- (i) Sa-bahagian besar daripada masyarakat tidak akan menerima perubahan ini.
- (ii) Jumlah wang yang banyak perlu di-belanjakan untuk membaiki tempat² yang sedia ada di-hospital² untuk di-suaikan dengan sistem tidak berkelas ini.

Kerajaan maseh menunggu laporan daripada dua orang pakar dari Australia, Dr Garlick dan Dr Webb yang telah di-undang khas oleh Kerajaan Malaysia untuk mengkaji dengan lebih mendalam di-dalam hal ini. Sa-lepas menerima laporan itu, Kerajaan akan menimbangkan apa² perubahan² yang perlu di-lakukan.

PERUBATAN DI-KAWASAN LUAR BANDAR—KEMUDAHAN

30. Tuan Luhut Wan minta Menteri Kesihatan menyatakan apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk memperbaiki kemudahan² perubatan dan kesihatan di-kawasan² luar bandar Sarawak.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Kementerian saya telah mengambil langkah² yang berikut untuk membaiki lagi kemudahan perubatan dan kesihatan di-kawasan² luar bandar di-Sarawak.

(1) *Penubohan kelinik Terapong*

Dua buah kelinik terapong telah siap di-bena pada tahun ini. Sa-buah ada-lah untuk kawasan Lower Rejang dan sa-buah lagi untuk Daerah Baram.

(2) *Pembinaan Pusat Kesihatan Kechil*

20 buah pusat kesihatan kechil akan di-bena dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini. 2 buah daripada jenis lama telah di-bena di-Long Teru dan Ng Medaint dalam tahun 1971. 4 buah jenis baru ada-lah dalam pembinaan sekarang di-Bentang, Long Teru, Oil Palm dan di-Long Semado dan di-ranchangkan akan siap di-bena pada penghujung tahun 1972 ini.

(3) *Pengenalan satu ketegory pegawai kesihatan untuk meluaskan pengawalan perubatan di-kawasan luar bandar*

30 pembantu perubatan pada masa ini telah di-lateh untuk di-gunakan di-despensari bergerak dan despensari kechil dalam kawasan Rascom. 45 orang lagi akan di-lateh dalam tahun 1972 ini untuk membolehkan lagi penubohan despensari bergerak dan despensari kechil dalam bahagian² lain.

(4) *Membantu penguasa² tempatan untuk menubuhkan kelinik kesihatan ibu dan anak*

Kelinik kesihatan ibu dan anak di-Kampung Daun, Oil Palm dan Meludram telah siap di-bena dalam tahun 1971. Dalam tahun 1972 ini kelinik di-Beladin dan Tebakang akan siap di-bena.

(5) *Membaiki hospital Daerah*

Pembaikan Hospital Sarikai, Bintulu dan Merudi, akan di-jalankan dalam

tahun ini. Manakala di-Lundu, Mukah dan Sawas telah di-ranchangkan untuk di-baiki dalam tahun 1973. Perluasan kemudahan ward dan Jabatan Pesakit Luar di-Hospital Marudi juga telah di-ranchangkan.

(6) *Pembinaan Hospital Daerah yang baru*

Sa-buah hospital di-daerah Serian telah di-ranchangkan. Pembinaan akan bermula awal tahun hadapan.

(7) *Penubuhan kelinik pergigian di-sekolah² luar bandar*

7 buah sekolah kelinik pergigian telah siap di-bena dalam tahun 1971. 8 buah lagi di-jangka siap dalam tahun 1972. Jumlah semua 42 buah kelinik gigi akan di-bena dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini.

(8) *Pengenalan kelinik pergigian bergerak*

2 buah kelinik pergigian bergerak akan di-tubuhkan untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk² luar bandar yang tinggal di-sapanjang jalan Bahagian 1, 2 dan 3.

(9) *Pembaikan gerakan kesihatan alam sekeliling*

Bahan² untuk pembinaan bekalan ayer dan tandas ada-lah di-sediakan di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua ini. Dalam tahun 1971, 1,193 tandas dan 103 bekalan ayer yang kechil telah siap di-bena. Tujuan kita bagi tahun 1972 ia-lah 1,500 buah tandas dan 150 bekalan ayer yang kechil.

DOKTOR²—PENUNTUT² MALAYSIA YANG LULUS

31. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan penuntut² Malaysia yang lulus sa-bagai doktor² sejak tahun 1963 dan berapa ramai-kah daripada mereka yang sedang berkhidmat di-dalam perkhidmatan perubatan Kerajaan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tiada angka² yang tepat mengenai penuntut² Malaysia yang telah lulus sa-bagai doktor semenjak 1963 dan berapa ramai daripada mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan.

Di-antara tahun² 1965-1971, sa-jumlah 1,321 orang doktor² telah di-daftarkan dengan Majlis Perubatan Malaysia. Daripada jumlah ini 417 orang berkelulusan daripada Universiti² Malaya dan Singapura dan 904 orang daripada Universiti² Sabarung Laut.

Angka² daripada Pendaftar Pengamal² Perubatan menunjukkan ia-itu pada 1hb Januari, 1972, jumlah bilangan doktor yang berdaftar yang telah mengambil perakuan Amalan Tahunan ia-lah 2,064 orang. Daripada Jumlah ini, 932 orang ada-lah terdiri daripada private practitioners, dan yang lain-nya ia-itu, 1,132 orang dalam perkhidmatan awam, termasuk badan² berkanun. Mereka yang di-dalam private practice ini kebanyakan-nya ada-lah Warganegara Malaysia.

Pada 1hb June, 1972, seramai 1,092 orang doktor² berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan di-Malaysia Barat. Daripada jumlah ini, 909 orang ada-lah warganegara Malaysia dan yang lain-nya ia-itu 153 orang ada-lah terdiri dari orang luar. Dalam perkhidmatan Kerajaan Sarawak terdapat seramai 51 orang doktor (22 orang warganegara Malaysia dan 29 orang luar). Di-Sabah terdapat 40 orang doktor (19 orang warganegara Malaysia dan 21 orang luar).

KECHICHIRAN MURID²—MENGURANGKAN

32. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apa-kah langkah² yang telah di-ambil bagi mengurangkan kechichiran murid²; dan
- (b) ada-kah Kerajaan mempunyai apa² ranchangan untuk mengadakan latehan kepada murid² yang terchichir ini di-dalam berbagai jurusan vokeshenal.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Oleh kerana kajian mengenai kechichiran belum lagi tamat maka saya tidak dapat mengatakan apa langkah² jangka panjang atau pendek yang akan di-ambil oleh Kementerian saya. Langkah² itu akan berdasarkan kepada hasil kajian tersebut. Walau bagaimana pun, untuk sementara waktu Pegawai Kanan Kementerian saya termasuk Pegawai² Pelajaran Negeri telah mengambil tindakan yang sesuai untuk mengurangkan kechichiran

ini. Antara-nya ia-lah mengadakan perjumpaan dengan ibu² bapa dan menasehatkan mereka supaya memberi perhatian yang lebih kepada pelajaran anak² mereka.

KERANI² SEKOLAH—TAWARAN SEKIM GAJI

33. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada beliau sedar bahawa ramai kerani² sekolah telah di-beri borang pilihan yang salah atau pun telah ditawarkan sekim gaji yang salah, dan jika ya, apa-kah langkah² yang di-jalankan untuk membetulkan kesilapan tersebut.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ya, saya sedar.

Kementerian saya, pada 22hb April, 1972, telah pun memberi arahan kepada semua Ketua Pegawai Pelajaran supaya membetulkan kesilapan² yang berlaku. Semua Ketua Pegawai Pelajaran Negeri juga telah di-minta berhubung dengan Kementerian saya dengan serta merta jika ada sebarang keraguan mengenai perkara itu.

KECHICHIRAN MURID²—SEBAB²

34. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah hasil penyiasatan untuk menentukan sebab² kechichiran di-kalangan murid² sekolah yang di-selenggarakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran dan jika laporan mengenai hasil kajian belum di-siapkan nyatakan sebab²-nya dan bila-kah laporan itu akan di-umumkan kepada orang ramai.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Kajian ini belum selesai. Oleh itu hasil dan sebab² sa-benar-nya berlaku kechichiran itu tidak dapat di-beri.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum kajian kechichiran yang di-selenggarakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian saya di-jalankan berperingkat².

Ini bermaana bahawa masa yang di-ambil untuk menjalankan kajian itu ada-lah panjang, bukan satu atau dua hari tetapi beberapa bulan.

Untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat, kajian ini di-bahagikan kepada 3 peringkat.

Peringkat Pertama—menemuduga hampir 5,000 murid yang di-lahirkan pada tahun 1956 dan berdaftar di-sekolah pada tahun 1972, dengan tujuan mengetahui faktor² yang mendorong murid² ini terus bersekolah.

Peringkat Kedua—menemuduga lebih kurang 5,000 murid yang di-lahirkan pada tahun 1960 yang berdaftar di-sekolah pada tahun 1972.

Peringkat ketiga—menemuduga murid² yang di-lahirkan pada tahun 1956 dan 1960 yang telah chichir dari sekolah.

Sa-hingga hari ini, semua kerja yang di-ranchangkan mengikut jadual kerja sedang berjalan dengan lichen.

Mengikut jadual kerja pada akhir bulan Jun Laporan awal mengenai kechichiran patut di-siapkan. Laporan ini telah pun siap. Tetapi oleh kerana laporan ini ada-lah laporan awal maka ia-nya belum dapat di-umumkan lagi kepada orang ramai.

Pada masa ini kajian ini telah berada di-peringkat ketiga, ia-itu menemuduga murid² yang telah terchichir dari sekolah².

Ada-lah di-harap bahawa Laporan lengkap atas kajian ini akan siap pada penghujung tahun ini.

PEPEREKSaan PILEHAN MASOK KA-SEKOLAH BERASRAMA PENOH

35. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa peperiksaan untuk masuk ka-Sekolah² Menengah Berasrama penoh bagi murid² darjah enam Sekolah Kebangsaan tidak di-adakan pada tahun ini dan nyatakan asas bagi pemilihan calon² ka-sekolah² yang tersebut di-atas pada awal tahun hadapan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Peperiksaan Pilehan Masok ka-Sekolah Berasrama Penoh telah di-jalankan pada kali yang akhir pada tahun 1971. Kementerian mengambil keputusan untuk memansuhkan-nya mulai dari tahun 1972. Keputusan ini di-ambil atas sebab² yang berikut:

- (i) Hanya kira² 5% dari murid² Darjah 6 sahaja di-benarkan masuk peperiksaan ini dan kerja memilih 5% itu terserah di-tangan guru² besar. Ada-lah di-rasai bahawa cara pemilihan ini tidak-lah begitu adil kerana ada kemungkinan pengaruh unsur² subjektif

dalam pemilehan itu. Tambahan pula, darjah kepintaran *chalun*² itu berbedza di-antara sa-buah sekolah dengan yang lain-nya dan murid yang terbaik dari sa-buah sekolah mungkin jauh ketinggalan dari 5% di-sekolah yang lain itu.

- (ii) Dalam pepereksaan ini murid² di-pereksa hanya dalam 3 mata-pelajaran ia-itu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris I dan Ilmu Hisab. Sabalek-nya Pepereksaan Penilaian Darjah 5 mengandongi 5 mata-pelajaran ia-itu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris I, Sains Awalan, Ilmu Hisab dan Tawarikh, Ilmu Alam. Pemilehan yang berdasarkan kapada mata²-pelajaran yang lebeh luas ada-lah lebeh adil.
- (iii) Pepereksaan Penilaian Darjah 5 adalah satu pepereksaan nasional yang diambil oleh semua murid Darjah 5 dan Pepereksaan ini ada-lah dalam bentok² objektif—satu teknik ujian yang sungoh boleh di-perchayai.

Pilehan murid² untuk masok ka-Tingkatan I/Tingkatan Peralehan di-Maktab Melayu Kuala Kangsar/Kolej Tengku Kursiah dan Sekolah Tuanku Abdul Rahman/Sekolah Dato' Abdul Razak/Sekolah Tun Fatimah akan di-dasarkan atas nilai kechapaian murid² dalam Pepereksaan Penilaian Darjah 5.

BUKU² TEKS—KURANGKAN HARGA

36. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan bahawa harga buku² teks untuk Sekolah² Rendah akan di-kurangkan, sama ada Kementerian-nya akan menimbangkan tindakan yang sa-rupa untuk Sekolah² Menengah.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ya, perkara ini akan di-timbangkan.

YURAN² SEKOLAH— MENGURANGKAN

37. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian-nya akan menimbang mengurangi bayaran sekolah untuk Sekolah Menengah kerana ketiadaan pelajaran menengah perchuma memandangkan betapa sirius-nya masaalah kechichiran² sekolah.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tidak. Kadar yuran² sekolah yang ada sekarang

ada-lah munasabah. Yuran² sekolah adalah di-kenakan di-sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan sahaja. Pelajaran menengah di-sekolah² Menengah Kebangsaan ada-lah perchuma.

Sementara itu Kementerian saya memberi hadiah² tempat perchuma dan pemberian balek yuran² sekolah kapada murid² di-Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan. Tempat² perchuma akan di-beri kapada:

- (a) Semua pemegang Biasiswa Kechil Persekutuan, penuntut² Kelas Persediaan Universiti dan pemegang² Biasiswa Negeri.
- (b) Murid² yang miskin, oleh sebab keadaan kewangan ibu bapa mereka, tetapi bilangan-nya tidak boleh lebeh dari 10% jumlah murid² dalam Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan, (tidak termasuk murid² di-dalam kelas² yang menggunakan bahasa penghantar Melayu dan pemegang² biasiswa) bagi seluruh negeri pada 31hb Januari tiap² tahun.

Pemegang² tempat perchuma ini akan di-benarkan terus mendapat tempat² perchuma. Had 10% tidak-lah boleh melebihi melainkan dengan kebenaran dan kelulusan Kementerian saya.

Pemberian balek yuran² juga boleh di-benarkan, jika dapat di-buktikan ketiadaan kemampuan dan bergantung di-atas keadaan kewangan ibu bapa. Tetapi jumlah-nya tidak-lah boleh lebeh dari 10% jumlah bilangan murid² yang membayar yuran di-dalam negeri yang berkenaan pada 31hb Januari tiap² tahun. Had 10% hanya boleh di-naikkan dengan kelulusan Kementerian saya.

JAWATAN BERPENCHEN— PILEHAN PEGAWAI²

38. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan mengapa pegawai² Bahagian III yang telah memilih perjawatan berpenchen maseh belum di-kelaskan bagitu sunggoh pun mereka semua telah menerima Laporan Suffian.

Perdana Menteri: Sa-belum Laporan Surohanjaya Gaji Suffian di-laksanakan, bagi maksud faedah² penchen, kedudukan pegawai² Kerajaan yang berkhidmat sechara

tetap di-bahagikan kepada 2 gulongan ia-itu:

- (a) tetap dan berpenchen;
- (b) tetap dan tidak berpenchen.

Berikut dengan perlaksanaan Laporan Suffian jawatan seperti di-(b) di-atas sekarang telah di-jadikan sebagai jawatan berpenchen. Ini ia-lah hasil daripada perakuan dalam Laporan tersebut ia-itu bagi faedah² penchen pegawai² dalam perkhidmatan Kerajaan sekarang di-bahagikan kepada dua sahaja ia-itu:

- (a) tetap dan berpenchen;
- (b) sementara dan tidak berpenchen.

Sungguh pun begitu sebelum sa-saorang pegawai dapat di-masukkan ka-dalam per-jawatan berpenchen, jawatan² yang di-penuhi oleh mereka hendak-lah terlebih dahulu di-wartakan dalam Warta Kerajaan sebagai jawatan berpenchen.

Dengan yang demikian tindakan perlu-lah di-ambil bagi menyediakan satu senarai jawatan² berpenchen yang baharu untuk di-wartakan dalam Warta Kerajaan. Senarai tersebut telah pun siap di-sediakan dan langkah² sedang di-ambil untuk mewartakan senarai tersebut dalam Warta Kerajaan. Apabila tersiar-nya jawatan² tersebut pegawai² yang memenohi jawatan² yang berkenaan akan di-pertimbangkan untuk di-masukkan ka-dalam perjawatan berpenchen mengikut syarat² dan peratoran yang tertentu.

UJIAN NUKLIAR DI-PASIFIK— PENDIRIAN KERAJAAN

39. Tuan Lim Kit Siang meminta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) pendirian Kerajaan terhadap ujian nukliar di-Pasifik;
- (ii) sama ada Kerajaan pernah menyatakan kebimbangan-nya atau membantah kepada Kerajaan Perancis kerana ujian nukliar ini; dan
- (iii) sama ada Kerajaan Malaysia ber-setuju dengan seruan untuk menjadikan Pasifik kawasan pengujian nukliar yang bebas.

Perdana Menteri:

- (i) Kerajaan Malaysia sentiasa menentang sabarang bentuk ujian nukliar oleh

mana² negara. Ini ada-lah sejajar dengan sokongan kita terhadap Perjanjian Bangsa² Bersatu yang meng-haramkan ujian senjata² nukliar di-angkasa dan di-bawah laut. Malaysia ada-lah salah satu negara yang menandatangani perjanjian itu pada bulan Ogos 1963. Di-Persidangan "Human Environment" di-Stockholm, Malaysia bersama² dengan tujuh negara² lain, telah mengemukakan satu resolusi yang mendesak negara² yang berchadang untuk menguji senjata² nukliar supaya membatalkan (abandon) ranchangan mereka itu.

Ahli Yang Berhormat mungkin juga ingat bahawa di-Meshuarat Menteri² Luar dari negara² Asean di-Manila baru² ini, kita telah sama² mengeluarkan satu kenyataan Akhbar mengecham (deplore) ujian senjata² nukliar di-mana² saja, kerana ujian demikian akan mendatangkan bahaya² yang tidak ketara kepada nyawa manusia dan alam sekeliling. Ujian ini juga bertentangan dengan perjanjian Bangsa² Bersatu yang mengharam ujian² tersebut.

- (ii) Kita berpendapat ada-lah tidak perlu untuk kita membantah kepada kerajaan Perancis kerana kita yakin kerajaan Perancis tidak dapat tidak, mesti sedar mengenai pendirian kita yang menentang sabarang bentuk ujian nukliar.
- (iii) Kerajaan akan menyokong sabarang langkah bukan saja untuk menjadikan kawasan Pasifik bahkan untuk menjadikan seluruh dunia sa-bagai kawasan yang bebas daripada ujian nukliar.

(Dengan izin)

- (i) The Malaysian Government has always been opposed to any form of nuclear testing by any country. This is in line with our support of the UN Treaty banning nuclear weapon tests in the Atmosphere in Outer Space and Under Water of which we become a signatory in August 1963. We have also in this regard at the recent Human Environment Conference in Stockholm co-sponsored with 7 other countries a resolution calling upon states intending to carry out nuclear weapon tests to abandon their plans to do so.

The Honourable Member may further recall that at the recent Meeting of Foreign

Sa-belum saya berchakap lebih jauh lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarek perhatian Dewan ini kepada ucapan Yang Berhormat Menteri yang mengemukakan Rang Undang² ini kepada Dewan yang mulia ini.

Dalam ucapan pembukaan Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, beliau berkata :

“Saya mohon beruchap dalam bahasa Inggeris kerana tajok ini agak-nya sukar sedikit hendak di-lafazkan dalam bahasa Malaysia, oleh sebab ada banyak istilah² teknik.”

Saya tidak bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri ini. Kalau orang yang deraf ucapan ini tidak tahu bahasa Melayu, elok-lah di-akuī, tetapi jangan di-salahkan kebolehan bahasa Malaysia yang kita telah berbelanja berjuta² ringgit untuk memajukan-nya dan untuk menggunakan-nya dengan sa-luas²-nya.

Sa-kira-nya ada perkataan² teknikal yang tidak dapat hendak di-sebut dalam bahasa Malaysia dan jika waktu beruchap kita menemui kepada perkataan² teknikal yang tidak ada sa-umpama-nya dalam bahasa Malaysia, boleh-lah di-pakai perkataan itu dalam bahasa asal-nya. Waima bahasa Inggeris-kah, bahasa Greek-kah, atau bahasa apa jua asal perkataan itu. Kenapa mesti di-salahkan bahasa Malaysia dan di-pikulkan beban dan di-katakan tidak sanggup hendak memikul kemajuan dan perkembangan ilmu pengetahuan manusia pada hari ini?

Tuan Yang di-Pertua, undang² ini sa-patut-nya telah di-bawa ka-dalam Dewan ini lama lebih dahulu daripada masa ini, kerana soal krisis getah, ia-itu satu hasil utama kepada negara kita sentiasa kita hadapi dari satu masa ka-satu masa dan Kerajaan sendiri pun mengakuī bahawa perkara ini telah terlambat, tetapi Kerajaan chuba menchari daleh atas kelambatan membawa perkara ini ka-dalam Dewan. Mari kita dengar Yang

Berhormat Menteri apa kata-nya untuk membuat daleh berkenaan dengan perkara ini.

" Because we were getting a fair return for our capital and labour invested in the rubber industry, we have not done anything to alter the trading pattern"

Saya ta' bersetuju dengan kenyataan ini, sebab kalau kita mengkaji dengan mendalam berkenaan dengan return yang kita dapat daripada pattern yang berjalan sa-lama ini, kita akan saksikan bahawa apa yang negeri ini dapat daripada pattern yang berjalan sa-lama ini ada-lah crumb, Tuan Yang di-Pertua, crumb, isi-nya ta' ada. Jadi di-mana-kah Kerajaan berpendapat bahawa we are getting a fair return daripada pattern yang berjalan sa-lama ini? Kalau kita hendak membongkar kemajuan² yang kita tempoh, gerakan² pembangunan yang kita jalankan sa-lama ini daripada hasil getah in., saya fikir apa yang kita telah jalankan waktu pattern ini berjalan tidak memadai sebab segala keuntungan yang kita dapat daripada getah ini ia-lah untuk mengelok dan menchantekkan negeri penjajah kita dahulu. Jadi sa-elok²-nya perkara ini telah di-pinda dan di-bawa ka-dalam Dewan ini sa-baik² sahaja kita mencapai kemerdekaan, atau tidak lama sa-lepas daripada mencapai kemerdekaan itu.

Kita membawa atau pun Kerajaan membawa Bill ini atau Rang Undang² ini ia-lah kerana hasil pendapatan negara telah begitu merosot sa-bagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tatkala mengemukakan Bill ini. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa dalam tahun 1969 hasil kita daripada eksport getah ini di-taksirkan sa-banyak \$1,940 juta dan pada tahun 1970, Tuan Yang di-Pertua, hasil ini telah jatuh kepada \$1,663 juta sahaja. Maka dengan sebab kejatohan hasil ini, padahal getah yang kita jual dalam tahun 1970 jauh lebeh banyak daripada yang kita jual pada tahun 1969. Itu-lah yang menyebabkan Kerajaan bersungguh² memikirkan masalah ini dan mengemukakan Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini. Saya mengambil peluang ini menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kerajaan kerana mengemukakan Rang Undang² yang begitu penting dan mustahak untuk mengawal dan memelihara

satu industri yang paling penting dan mendatangkan hasil pendapatan yang begitu besar kepada negara kita. Baik-lah terlambat daripada ta' ada langsung, Tuan Yang di-Pertua.

Penyakit² yang menimpa rubber industry ini yang menyebabkan berkurang-nya hasil pendapatan negara dan begitu juga menyebabkan kesulitan hidup bagi pekebun² kecil ini patut di-ambil pandangan berat sa-telah undang² ini di-jalankan kelak.

Yang penting, Tuan Yang di-Pertua, pada saya bukan-lah membuat undang² yang indah ini, tetapi yang penting ia-lah sa-jauh mana pelaksanaan undang² ini. Ini-lah yang kita dan ra'ayat seluruh negara sedang menanti² bagaimana-kah undang² ini akan di-laksanakan dan saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, undang² ini sa-telah di-luluskan oleh dua² Dewan atau oleh Parlimen Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara, maka dia akan menanti pelaksanaan-nya dengan perisytiharan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya berharap sa-telah undang² ini di-buat dan di-luluskan oleh kedua² Dewan dan telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka undang² ini akan di-jalankan terus-menerus dengan tidak memperdulikan sa-barang tekanan daripada mana² pihak luar atau dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Rang Undang² ini nampak-nya susunan lembaga yang akan di-lantek itu meliputi semua yang berkenaan dan semua yang patut duduk dalam lembaga ini. Tetapi satu yang saya ingin hendak membuat ingatan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan Pengerusi Lembaga ini atau Board ini kerana nampak²-nya telah menjadi kebiasaan Kerajaan melantek Pengerusi bagi sa-suatu Board itu kepada orang yang sudah bertimbun² jawatan-kuasa atas kepala-nya. Jadi saya berharap dalam perkara yang amat penting dan mustahak ini benar² Kerajaan akan menchari sa-orang yang layak dan boleh bekerja sa-penoh masa dan menumpukan segala tenaga, fikiran dan inisiatif dan kebolehan imagination-nya bagi kejayaan undang² ini.

Kita tidak mahu melihat sa-orang Chairman atau sa-orang Pengerusi Lembaga ini di-lantek daripada sa-orang Pegawai

Kerajaan yang sudah mempunyai berpuluh² Jawatan-kuasa, to be fair to him. Kita patut berlaku adil kepada pegawai yang kita chadang hendak melantek membuat kerja itu. Kalau kita fikir kerja ini mustahak, kena-lah kita mencari orang yang benar² sanggup dan sa-penoh masa dapat menjalankan tugas penoh dalam lembaga ini, Tuan Yang di-Pertua.

Barangkali Kerajaan akan berdaleh kepada kita mengatakan; why worry, di-sana ada Deputy Chairman, atau Timbalan Pengerusi yang akan bertindak sa-bagai Pengerusi gilir atau alternate Chairman. Ini-lah orang-nya yang akan membuat kerja. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada saya, Pengerusi ada-lah memainkan peranan yang penting dalam satu² Badan khas-nya dalam Badan sa-umpama ini. Jadi dengan hanya berharap kepada deputy-nya sahaja yang akan dibebankan dengan perkara² routine, pen-tadbiran lembaga ini akan tidak dapat memikirkan kepentingan² yang lain mengenai Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak payah-lah saya ulang² menyebutkan di-dalam Dewan ini penderitaan yang di-hadapi atau di-rasai oleh pekebun² kecil sa-bagai hasil daripada keruntuhan atau pun kejatohan harga getah dan sekarang kita telah tahu bahawa kejatohan harga getah bukan-lah sahaja di-sebabkan kepada undang² supply and demand, tetapi kerana sistem yang berjalan pada hari ini tidak betul. Oleh sebab itu, saya berharap dan merayu kepada Kerajaan sa-boleh²-nya supaya Rang Undang² ini dapat di-jalankan dengan sa-penoh-nya dan dengan chukop teliti supaya industri yang penting bagi negara dapat di-selamatkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, sukachita saya mengambil bahagian ketika Rang Undang² Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah, 1972 ini di-bentangkan di-dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya dengan keterangan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ketika mana membentangkan Rang Undang² ini ternyata-lah bahawa sa-sungguh-nya semangat, atau pun tujuan Rang Undang² ini di-buat ia-lah mahu mengatasi masalah yang berhubung dengan kemerosotan harga

getah di-saat² yang akhir ini. Sa-benar-nya di-saat² yang akhir ini harga getah sungguh mendukachitakan. Ra'ayat di-kampung² khas-nya ra'ayat yang bergantung kepada getah atau sa-bagai pekebun² kecil sudah tidak dapat menjalankan pekerjaan menoreh getah lagi kerana tidak chukup makan, tidak chukup untuk membelanjakan sara hidup mereka di-atas hasil pencharian mereka dengan getah.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa masa yang lalu bahawa kawalan² harga getah yang di-buat di-negara ini walau pun di-jalankan, tetapi keadaan-nya tidak mendatangkan kenaikan dalam perniagaan getah. Ini mungkin ada beberapa tempat yang harus di-perbetulkan dan saya rasa Rang Undang² ini ada-lah satu daripada beberapa chara untuk memperbetulkan di-mana snag-nya yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada beberapa masa yang lalu. Walau pun Rang Undang² ini di-buat di-saat yang terkemudian, saya mengalu²kan juga, tetapi sa-patut-nya Rang Undang² untuk mengawal atau pun menjaga pasaran dan pelesenan getah Malaysia ini di-bentangkan lebeh awal daripada ini kerana masalah kejatohan harga getah ini telah begitu banyak di-timbulkan di-dalam dewan ini oleh pehak kami daripada Ahli² Pembangkang dan juga daripada Ahli² Kerajaan sendiri yang selalu mengambil perhatian dalam hal kepentingan orang ramai dan kepentingan ra'ayat yang terlibat dengan masalah getah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak menentukan apa-kah sa-telah Rang Undang² Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah ini berjalan, maka harga getah akan naik atau harga getah akan berada di-tingkat yang biasa, kerana saya nampak dalam tugas² yang akan di-berikan kepada lembaga ini, kurang begitu banyak bagi memikirkan agar harga getah lebeh bertambah naik dan aktiviti² lembaga ini nampak-nya tidak banyak di-tumpukan ka-araf menambah harga getah, ka-araf menjalankan perusahaan sendiri, tetapi hanya pengawasan kepada badan² atau pun kalangan² yang menjalankan perusahaan getah. Saya rasa, chara yang akan di-jalankan ini tidak begitu berkesan bagi menaikkan harga getah, kerana orang² yang

akan menjalankan perusahaan² dan perniagaan² getah baik pembungkusan, perniagaan, pemindahan, perkapalan dan sebagainya-nya, kebanyakan-nya bukan daripada pehak Kerajaan dan bukan juga daripada perbadanan² Kerajaan, bahkan kebanyakan-nya daripada kalangan² swasta yang memang bijak dalam mengendalikan chara² perniagaan² getah baik di-dalam mahu pun di-luar negeri. Apatah lagi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita merujuk pula kepada Fasal 3 (2) di-mana Ahli² Lembaga ini tidak begitu banyak di-pileh daripada orang² yang mewakili atau dari kalangan pekebun² kecil dan kalangan² Perbadanan² Kemajuan Negeri yang memang mereka itu sentiasa terlibat dalam masaalah harga getah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang monopoli pasaran getah akan tetap berjalan, walau pun ada Rang Undang² Lembaga Pemasaran dan Pelesenan ini yang dibentangkan hari ini, dengan sebab, Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih banyak ditekankan oleh lembaga ini tentang pengeluaran lesen, tentang aktiviti yang mengandungi pengawasan². Saya fikir, lebih baik, lembaga ini menjadikan satu lembaga yang aktif dalam perniagaan di-mana sa-baik²-nya biar-lah lembaga ini yang akan menjadi satu badan yang akan mengeksport getah Malaysia ka-luar negeri di-mana kempeni² atau pun kalangan² yang lain yang terdiri daripada pehak swasta, perbadanan² Kerajaan, sharikat² pekebun² kecil akan berada bersama di-bawah lembaga ini.

Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa satu chara untuk menghilangkan kekuasaan dan monopoli orang² tertentu dalam perniagaan getah di-negara ini. Ma'alom-lah, Tuan Yang di-Pertua, kalau hanya dengan pengawasan² yang di-buat, maka alasan² oleh pehak yang berkenaan dalam menjalankan perusahaan getah, untuk menurun dan menaikkan harga getah akan ada sahaja di-ada²kan kerana mereka memang bijak memberikan alasan² seperti itu.

Sa-lain daripada itu, saya ingin mengambil perhatian tentang masaalah lesen² yang akan di-beri kepada peniaga² yang membeli dan menjual getah di-peringkat rendah, peringkat negeri, peringkat daerah dan juga hingga ka-peringkat di-kampung². Dengan sebab sekarang ini terdapat kurang sekali orang² Melayu dan bumiputra yang menjalankan

perusahaan² seperti itu di-peringkat negeri, peringkat daerah dan di-kampung². Ada lagi kalau kita memandang dalam perusahaan² membeli susu getah jauh daripada sampai maksud kita dan kehendak saya sendiri. Kalau kita boleh sekarang ini orang² kampung, orang² Melayu dan bumiputra di-luar² bandar hanya menjadi penjual² getah yang memang sa-tiap masa mengikut kata pembeli sahaja, kalau \$30.00—\$30.00 sahaja-lah, kalau \$25—\$25 sahaja-lah. Saya harap bagi pehak yang berkenaan khas-nya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama harus menchari jalan agar ra'ayat Melayu dan bumiputra di-kampung² dan di-bandar² kecil dan di-negeri² dapat sa-tanding dengan orang² lain bagi menjalankan perusahaan perniagaan getah ini.

Satu lagi yang saya harus menarek perhatian tentang chara² dan syarat untuk mengeluarkan lesen bagi pembeli² getah.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ada keadilan² dan saya pernah mengalami dalam hal ini melihat keadaan yang telah berlaku terhadap orang² kampung di-mana orang² kampung tidak mengetahui tentang chara² pembelian getah di-laksanakan oleh peniaga². Saya harap pehak Kerajaan harus memberi keterangan yang betul kepada ra'ayat dan memberi pengawasan yang betul atau pun yang keras kepada peniaga² kampung, peniaga² getah sama ada di-peringkat negeri, daerah dan kampung² agar ra'ayat yang bekerja getah di-luar² bandar tidak akan tertipu dan teraniaya dengan sebab mereka tidak tahu dalam selok-belok perniagaan dan selok-belok perjalanan getah dengan sa-baik²-nya. Itu-lah sahaja harapan saya.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I take this opportunity to give brief comments on the Rubber Exchange and Licensing Board Bill, which we have now before us. I will confine myself, Sir, mainly to the small-holders' point of views on the present state of the rubber industry, and I hope that the Government will give some consideration to some of the recommendations I intend to make in order that this industry, which plays a great part in the daily lives of a great majority of our people, will be given another chance on a new and re-structured footing for the benefit of the people and this country.

Malaysia is the largest producer of natural rubber, but sad to say, Sir, it has the least say in the natural rubber world market price. With the introduction of this Bill, it is greatly anticipated that the sad state of affairs can be remedied and that Malaysia rubber producers will no longer suffer the humiliation of having to have the price of their goods determined by others who do not know the difference of a rubber plant and any other plant, but who can determine the price a person can have for his kati of rubber in the shops.

In the past, when the United States of America dumped their natural rubber stockpiles in the world market and thereby created unfavourable rubber prices, it was the average Malaysian smallholders who suffered. When the industrialised countries found ways to produce cheap substitutes for rubber by way of synthetic rubber, we made an outcry which only fell on deaf ears. The people who own small plantations and tap small rubber holdings continue to suffer. Each day, we see the world market prices going down and we are worried. This Bill, though too late to do much, I hope, will give another chance to boost our rubber industry, particularly in the sector of the smallholders and will, I hope, give new hopes for their already low spirit. If we go to the rural areas, to places like Sarawak, we will find many of the people leaving their small rubber plantations untouched and their rubber trees untapped. The reasons are:

- (i) The present price of rubber in rural districts like Saratok, Betong and other places, is only about 20 cents a kati. It is, therefore, not worth their while to tap their rubber trees.
- (ii) Sir, in some areas in Sarawak, especially the rubber producing Rajang Basin, the present security situation and constant dusk-to-dawn curfews prevent the people from tapping their rubber, whose plantations may be a few miles away from their villages or long-houses.

The present low price of rubber, as I can see it, is due to the following reasons:

- (i) the deterioration in the world market price which is dependent on a handful of rubber dealers who are bent on profit making and who are ignorant of how a rubber tree looks like and how

bad the smallholders are hit by the present poor price;

- (ii) the lack of Government intervention when the price of rubber was, some years back, at a reasonable level. In fact, this Bill should have been introduced four or five years ago, to be more effective;
- (iii) stiff competition from cheap synthetic rubber, which competition was previously under-estimated by our Government;
- (iv) dependence on the Rubber Exchange which is elsewhere and not in Malaysia;
- (v) over-production of rubber or limited market;
- (vi) no concerted attempt in the past to promote sales of rubber and to disperse markets for our rubber;
- (vii) over-confidence in the world demand for rubber; and
- (viii) less active investigations to diversify the use of rubber in local industries.

I feel, therefore, Mr Speaker, Sir, that in order to give a new lease to rubber and promote better prices, the following should be seriously considered by the Government:

- (1) With the introduction of this Bill, Malaysia should be able to have more say in price control.
- (2) The Government should attempt at more markets and explore more potential customers for our rubber.
- (3) More Trade Attaches should be posted to our Foreign Embassies and at least one of the staff should be a rubber expert, especially in advertising the sale of our rubber.
- (4) As a temporary measure, smallholders should be encouraged to tap their rubber trees and thereby assured that production will not suffer in this country.
- (5) Give incentives to local industries who use rubber as the main basis in their manufactured products.
- (6) Make more research to diversify the use of rubber in our local industries.
- (7) Protect locally-made products, with at least 50% rubber-basis, by increasing import duties on products with 50% or more rubber-basis and decrease

or exempt export duties on locally-made products with 50% or more rubber-basis.

- (8) Make more efforts into research and encourage the training of more rubber technologists and experts.

The various suggestions I have given, I hope, will be taken into serious consideration by the Government. I hasten to add at this stage that one of the most important steps is also to improve the infra-structure of the country, especially in areas mainly planted with rubber, so that cheap transportation and easy means of outlets to foreign countries can be made available to ensure uninterrupted markets and a constant flow of supply in accordance with anticipated local demands for rubber.

I have heard a suggestion that we should consider a Common Market for Singapore and Malaysia in order to boost the sale and production of local produces in sale and marketing. I hasten to add and urge the Government to consider very seriously to pursue starting an ASEAN Common Market for ASEAN produces and ASEAN consumers, so that not only Malaysian rubber will be assured an important place and price but that other produces like tin, timber, copra, fruits and other products will find assured places in the ASEAN sun.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, approach yang di-buat oleh Kerajaan hari ini untuk mengatasi keseimbangan sa-bahagian besar ra'ayat di-negara ini yang banyak bergantung kepada turun naik harga getah ada-lah sangat menggalakkan. Dengan lahir-nya beberapa Rang Undang² berkait dengan barang² getah maka ra'ayat dapat mengetahui dengan jelas bahawa Kerajaan tidak mendiami diri melihat keadaan penanggungan ra'ayat di-kampung² yang menjadi pekebun² kecil. Kalau Kerajaan dapat memberi jaminan harga yang tetap dan stabil kepada padi dan beras yang menyebabkan penanam² padi dan pengusaha² bahan tersebut bergembira, maka tidak ada sebab yang kerajaan tidak boleh berbuat sa-suatu walau pun sedikit untuk pengeluaran² getah kita. Malang-nya sudah berapa lama penderitaan ra'ayat di-dalam lapangan ini sa-hingga menyebabkan perasaan mereka

yang berkenaan itu bosan terhadap usaha² Kerajaan.

Langkah Kerajaan hendak membuat urusan perdagangan dengan China dahulu dan beberapa negara² besar yang lain telah menimbulkan sinar harapan kepada pengeluaran² getah, atau penanam² getah, atau pekebun² kecil, tetapi harapan itu tidaklah cerah sa-bagaimana yang di-harap²kan. Dengan ada-nya undang² Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah yang baharu ini, maka Kerajaan berniat hendak memperbaiki keadaan yang boleh memberi menefa'at kepada pengguna²-nya.

Soal sama ada pengeluaran getah atau pun penggunaan getah atau pun penjualan ia-lah berada di-dalam tangan Kerajaan kerana perundingan harga getah itu terletak kepada pihak Kerajaan. Kalau Kerajaan telah dapat berjaya mengimbangkan harga padi sa-umpama-nya dalam negara ini, mengapa pula Kerajaan tidak dapat menchari jalan untuk menstabilkan harga getah supaya perimbangan itu tidak menekan sa-bahagian besar ra'ayat yang bergantung kepada jurusan tersebut.

Bahagian² perdagangan di-dalam Kedutaan² kita di-seluruh dunia hari ini harus di-gesa supaya menumpukan usaha² mereka² untuk mengadakan perundingan dengan semua negara² yang perlukan bahan² getah atau pun Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah yang akan di-tubuhkan kelak patut menumpukan tugas² ka-araf tersebut. Kalau perlu pegawai² yang matang dalam soal ini ia-itu soal perdagangan dan soal getah patut di-ganti di-tempat² yang tersebut seperti di-Kedutaan² di-luar negeri mereka harus memainkan peranan yang banyak dan besar.

Saya ingin, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perkara penubuhan Lembaga ini menurut fasal 3 (2) (d) Rang Undang² di-hadapan kita ini menyatakan:

"Wakil daripada sektor pekebun² kecil patut di-lebihkan sa-hingga 4 orang"

Langkah Kerajaan mengadakan Undang² ini ada-lah kena pada tempat dan masa dan saya menyokong undang² ini.

Tuan Lim Pee Hung (Alor Star): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I rise to support the

Bill intituled "An Act to make provisions for the establishment and incorporation of the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board and for matters connected therewith." I would like to make some observations on this particular Bill in view of the fact that the prices of rubber in the international market are being fixed or manipulated by foreign and Singapore tycoons.

A commodity which is crucial to the entire economy of our country should not be in the hands of those few. Mr Speaker, Sir, I am sure this Bill was introduced to eliminate these undesirable elements in our midst, and in doing so, I hope that the Government will not jump from the frying pan into the fire due to inadequate legislation to control the rubber market, especially in the fixing of the rubber price. Otherwise, we may be instrumental in creating local wolves in the guise of sheep's skin within our country who will take directives and abide by the dictates of the foreign and Singapore rubber estate owners.

Mr Speaker, Sir, it is interesting to note what our Finance Minister told this House a few days ago, of the instance where there is a shortage of physical rubber in the market and yet the price of rubber kept going down further. In view of this, we must probe further and deeper into the root cause as to why the law of supply and demand does not apply in the case of rubber. Mr Speaker, Sir, my contention is that our rubber price is controlled by the foreign owners of rubber estates in Malaysia whose production is over 50% of the entire rubber production in our country; thereby over 50% of our rubber produced are being held by them. In other words, they are the people who determine the price of rubber in the international market. The reason I say this is because all the production of foreign owned estates can be sold to their parent company at a lower price and also at the same time depriving the income tax of the revenue due to the low or no profit for the local company which, to all intents and purpose is to boost the profit of the parent company which is not subject to local taxation, thereby killing two birds with one stone.

Mr Speaker, Sir, if this analysis is correct, in order to solve this problem. I am not suggesting nationalisation of foreign owned estates, but to nationalise and control all

exports and sales of rubber produced in this country through a marketing board managed by the Government who will be the authority in fixing the daily prices of rubber according to the law of supply and demand by creating an open market for rubber to all buyers in the international market. In other words, even foreign owners of rubber estates in Malaysia will also have to buy rubber in the open market and not from their own production. In this way, Sir, I believe we will achieve our goals of preventing manipulation and suppression of the rubber price in the international market.

Mr Speaker, Sir, I agree this is a very drastic step but for the survival of the rubber industry and the interest of the smallholders the Government must act fast and act now.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Batu Pahat Dalam): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di-sini untuk mengalu²kan Rang Undang² Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia yang di-bentangkan didalam Dewan ini.

Dengan ada-nya Akta Lembaga ini, maka kedudukan pasaran getah Malaysia akan bertambah tinggi mutu-nya dan terjamin. Sudah bertahan² lama-nya pekebun² kecil bekerja mengeluarkan peloh, tetapi tidak mendapat keuntungan yang sa-timpal dengan usaha mereka. Undang² ini akan menghapuskan orang² tengah dan melegakan pekebun² kecil. Kita telah di-fahamkan bahawa selama ini ada sa-tengah daripada sa-tengah estet² dan pekebun² yang besar telah mendapat keuntungan dengan cara membuat tuntutan pembayaran balek daripada Kerajaan, yang melebehi daripada getah mereka yang ada dan sa-tengah daripada sa-tengah telah menuntut bayaran balek dengan tidak ada membuat penjualan dan pengeluaran getah. Ini telah merugikan Kerajaan.

Undang² ini bukan sahaja akan melepaskan pekebun² kecil daripada genggaman orang² tengah, juga hendaklah menyelamatkan beribu² ringgit wang Kerajaan yang telah berjalan sa-lama hari ini. Dari segi ekonomi, yang mana Kerajaan dan ra'ayat telah menanggung kerugian, yang mana harga getah sa-makin turun di-sebabkan pasaran getah tidak terkawal. Kita mengharapkan dengan ada-nya Perlembagaan ini peniaga²

getah di-negeri ini akan dapat di-kawal dan terjamin kedudukan-nya, kerana dengan adanya Perlembagaan yang memperbadankan untuk bertanggung-jawab bagi menguruskan serta menyelaraskan dan bekerjasama didalam aktiviti peniaga² mereka, juga dengan ada-nya tanggung-jawab untuk kerjasama dan perhubungan dengan semua industrialist yang ada dengan negeri² lain bagi memproses dan pemasaran getah. Kita merasa bangga oleh kerana Lembaga ini ada-lah terdiri daripada beberapa orang wakil dari berbagai² sektor dan perbadanan² yang berkenaan dan dengan ada-nya tanggung-jawab dari Menteri yang berkenaan dan membolehkan beliau mengeluarkan arahan dari sa-masa ka-samasa pada Lembaga mengenai dengan tugas² mereka.

Sungguh pun Undang² ini sudah terlambat, tetapi saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah dan memberi sa-penoh² sokongan di atas kesedaran yang telah di-tunjokkan oleh pehak Kerajaan dan berharap undang² ini akan dapat di-laksanakan terus menerus dengan tidak menghiraukan apa juga tekanan untuk kebaikan ra'ayat keseluruhan negara kita demi kepentingan negara kita.

Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu²kan Rang Undang² yang sedang di-bahathkan ini, sungguh pun undang² yang saperti ini sa-patut-nya di-kemukakan beberapa tahun dahulu. Disamping itu, izinkan saya membuat sedikit pandangan dan tegoran, muga² pandangan dan tegoran dan pengeshoran² yang saya akan buat ini akan dapat di-timbangkan dengan adil dan saksama daripada pehak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pekebun² kecil memiliki lebih kurang 60% daripada tanah² yang di-tanam dengan getah di-dalam Malaysia ini dan hanya 40% sahaja yang di-mileki oleh estet² atau pekebun² besar. Maka dengan sebab itu, pekebun² kecil-lah yang menjadi tulang belakang atau back-bone kepada perindustrian getah ini. Sungguh pun begitu, Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita lihat atau kaji daripada segi production pula atau daripada segi pengeluaran getah, maka di-dapati pekebun² kecil ini mengeluarkan lebih kurang 35% sahaja getah dan daripada estet pula 65%.

Sa-lain daripada itu, mutu atau quality getah yang di-keluarkan oleh pekebun²

kecil tersangat-lah jauh beza-nya, jikalau di-bandingkan berapa tinggi-nya mutu yang di-keluarkan oleh estet² ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa tahun pekebun² kecil ini menderita di-sebabkan oleh tipu helah dan putar-belit daripada pehak peniagaan getah.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 15 tahun dahulu Kerajaan telah mengeluarkan beratus² ribu anak getah atau benih getah untuk di-beri kepada pekebun² kecil untuk di-tanam sa-mula, maka anak² getah ini di-berikan menerusi kontrekter². Sa-lepas enam tahun, maka pohon² getah itu pun sudah besar dan sampai-lah masa-nya untuk di-turis. Apabila di-turis maka di-dapati susu-nya tersangat-lah kurang kalau di-bandingkan dengan susu yang di-dapati daripada estet².

Sa-telah di-kaji di-dapati bahawa benih² getah yang di-beri kepada pekebun² kecil ini ia-lah benih yang murah dan yang kurang mutu-nya. Ini ada-lah satu tipu helah daripada kontrekter² pada masa itu untuk mendapatkan keuntongan yang besar, maka saya harap perkara ini akan di-kaji dengan teliti-nya dan apabila di-dapati mereka yang betul² kena aniaya atas perkara ini, maka Kerajaan patut-lah menggantikan kerugian mereka itu atau menggantikan kerugian kepada mereka yang teraniaya. Ini-lah nasib pekebun² kecil yang di-katakan menjadi tulang belakang indastri getah, ia-itu tulang belakang ekonomi Malaysia.

Apa-kah sebab-nya yang mereka ini telah terjadi begitu? Sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah semenjak beberapa tahun lagi pekebun² kecil ini tidak mendapat pimpinan yang sa-patut-nya, itu-lah sebab-nya. Maka sekarang dengan ada-nya Rang Undang² yang di-hadapan kita ini, maka perkara ini saya harap akan di-hapuskan dan pekebun² kecil akan mendapat faedah yang adil, yang patut mereka itu dapati.

Dan saya minta-lah Kerajaan jangan-lah membelakangkan kepentingan pekebun² kecil ini saperti mana yang telah terdapat di-dalam Rang Undang² ini.

Jikalau di-lihat ka-muka 4, Fasal 3. (2) (d) di-situ terdapat Rang Undang² ini menyebutkan:

"3. (2) (d) empat orang wakil dari perusahaan getah, dua daripada mereka

hendak-lah mewakili sektor estet dan dua orang lagi itu hendak-lah mewakili sektor pekebun kechil dari perusahaan getah;"

Saya fikir fasal ini tidak sa-patut-nya berbunyi begitu. Saya mengeshorkan supaya dua orang daripada mereka hendak-lah mewakili sektor estet, itu elok-lah, akan tetapi empat orang lagi itu hendak-lah mewakili sektor pekebun² kechil dalam perusahaan getah ini—mereka mesti-lah ada empat orang wakil daripada pekebun² kechil, bukan dua sa-bagaimana yang terchatet dalam Rang Undang² ini. Yang empat orang ini hendak-lah di-pilih oleh Menteri sa-lepas di-tunjokkan oleh sharikat pekebun² kechil Malaysia Barat.

Tadi saya telah sebutkan, ia-itu kepentingan² pekebun² kechil jangan-lah di-kebelakangan, kerana pekebun² kechil ini-lah yang akan membawa harga getah ka-taraf yang tinggi sedikit dan akan memberi jaminan kehidupan kepada berjuta² manusia. Satu daripada kepentingan mereka itu ia-lah tanah untuk menanam dan membesarkan ladang² mereka.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan² Negeri yang telah bersetuju memberi tanah kepada pekebun² kechil ini menerusi sharikat pekebun² kechil Malaysia Barat. Akan tetapi, ada juga beberapa Kerajaan² Negeri yang tidak mengambil bahagian dengan sa-chara bersungguh². Ada sa-buah Kerajaan Negeri telah meluluskan 20,000 ekar kepada pekebun² kechil ini. Akan tetapi di-suroh mereka itu tunggu bertahun² untuk processing balak—kayu balak di-dalam tanah itu selesai, jadi ta' tahu bila-kah lamanya hendak di-tunggu supaya balak itu hendak di-siapkan. Pada pendapat saya ada lebih baik lagi jikalau tanah untuk di-balak itu di-serahkan juga kepada pekebun² kechil ini.

Ada lagi sa-buah Kerajaan Negeri pula meluluskan lebih kurang 20,000 ekar juga, akan tetapi kawasan-nya tidak sesuai dengan tanaman getah. Satu daripada sebab-nya ia-lah jauh ka-dalam hutan dan tinggi di-atas gunung. Jadi, saya berharap kepada Kerajaan² Negeri yang berkenaan ini mengubah sikap mereka itu dan memberi segala² pertolongan kepada pekebun² kechil ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu sebab mengapa harga getah kita merusut ia-lah

mengenai masaalah penyeludupan. Penyeludupan terjadi dengan sa-chara besar²an daripada Malaysia ka-negara² tetangga khas-nya daripada Kelantan. Oleh sebab banyak-nya getah di-seludupkan daripada Kelantan ka-negara tetangga kita, ia-itu Thailand, maka terpaksa-lah beberapa faktri getah di-Kelantan itu di-tutup dan beribu² pekerja telah menganggor. Apa-kah sebab-nya getah daripada Malaysia ini di-seludup ka-Thailand? Sebab-nya ia-lah harga getah di-Thailand ada-lah lebih tinggi daripada harga getah di-sini. Ini di-sebabkan bahawa di-Thailand tidak di-kenakan cess—tidak ada cess di-kenakan di-Thailand, maka dengan sebab itu, getah daripada Kelantan di-seludupkan ka-Thailand.

Chara menyeludup-nya, Tuan Yang di-Pertua, tersangat-lah senang. Anak² sungai yang menjadi sempadan di-antara Thailand dan Kelantan tersangat-lah kechil dan chetek. Beribu² ekar tanah getah di-dapati berhampiran dengan anak² sungai ini. Mereka yang terlibat membawa getah ka-tebing sungai di-sabelah Malaysia ini, pura² hendak membersehhkan getah² itu. Mula² di-bersehhkan di-tepi sungai, apabila di-dapati ada kesempatan, di-tolakkan sedikit ka-tengah, kalau di-tanya, mengapa pula membersehhkan getah di-tengah sungai? Maka di-jawab-nya ia-lah oleh kerana ayer di-tepi sungai ini kotor, di-tengah sungai itu bersehh sedikit, jadi di-bersehhkan di-tengah sungai. Jikalau di-dapati pula peluang yang baik maka di-tolak terus ka-tebing sungai sana. Bagi mereka yang chergas memproses ini akan memakan masa hanya tiga minit daripada tebing sungai Malaysia ka-tebing sungai Thailand, apabila sampai ka-Thailand, habislah kesah-nya. Maka ini-lah chara-nya penyeludup² getah menyeludup getah daripada Kelantan ka-Thailand. Tiap² bulan beribu² paun di-seludupkan. Ini berma'ana beribu² tan atau berjuta² tan pada tiap² tahun dan ini juga melibatkan berjuta² ringgit telah hilang daripada Malaysia ka-Thailand dan juga berjuta² ringgit telah kerugian oleh Kerajaan Malaysia. Maka dengan sebab itu-lah, saya minta walau macham mana sa-kali pun, Kerajaan hendak-lah menchuba dengan sa-boleh²-nya bagi menyekat penyeludupan ini. Muga² Rang Undang² yang di-bentangkan di-hadapan kita ini ada ma'ana-nya, dan juga saya merayu sa-kali lagi supaya Fasal 3. (2) (d) itu di-tukarkan

dan di-jadikan empat orang lagi bagi mewakili sektor pekebun² kecil.

Sekian-lah sahaja rayuan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya ada-lah menyokong Rang Undang² ini.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahathan mengenai Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, dan di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berchapak dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the rubber industry in this country is at the cross-roads. This mild understatement has been made by the Minister of Finance when he addressed this house on the subject of rubber on Monday, August 14, 1972.

Those of us who were born in this country at the turn of the century may well remember the "Great Slump" or the "Great Depression" that took place in this country when the price of rubber plummeted and the country experienced a great slump—not only in this country but elsewhere as well—and this depression did not end until December, 1941 when the Japanese came to this country. Then came the Korean war, Mr Speaker, Sir, when the price of rubber shot up to dizzy heights and rubber scaled up to a dazzling \$2.00 per pound. After that, the price of rubber has taken a great deal of buffeting and it now hovers in the region of about 40 cents per pound and, as we all know and as the Minister of Finance addressed the House the other day, in April it touched the lowest in the last 23 years.

It is not just the low price of rubber that is of great concern to all of us in this country, but it is the refusal of the market in this country to respond to the ebb and flow of supply and demand; that, to me, is far more serious. Thus the Minister of Finance admits, and this is no secret to those in rubber circles, that even when the Government intervened to buy physical rubber, the price of rubber did not show any upward movement at all. This is a sad admission that unseen hands are manipulating the rubber market and yet we have the Minister of Finance saying in this House that the Government will be mounting a comprehensive "in-depth study" of all aspects of the rubber market in the producing countries. I say this should have

been done long ago and, perhaps, as early as 1959.

In that year, Mr Speaker, Sir, in this House the former Member for Tanjong, Saudara Tan Phock Kin, made a plea that the Government should introduce marketing boards to regulate the marketing of rubber. Unfortunately, at that time when the price of rubber was low, his plea was rejected out of hand by the Government. Since then, Mr Speaker, Sir, I in this House too have asked the Government to introduce marketing boards to regulate the marketing of rubber. Unfortunately my pleas too have fallen on deaf ears. But I am glad that at long last the Government has responded to the calls made by Saudara Tan Phock Kin and I to establish rubber marketing boards in this country.

It is but right that the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board should be based in Kuala Lumpur and that it will take over the functions of the M.R.E., i.e. the Malaysian Rubber Exchange, and the M.R.E.R.B., i.e. the Malaysian Rubber Exchange and Regulation Board. It is unacceptable that the Singapore market should handle 55% of Malaysian rubber exports while the Kuala Lumpur market handles only 45%. The place where the price of rubber should be fixed should be Kuala Lumpur and not London, Singapore or New York.

Mr Speaker, Sir, the 1970 figures for the acreage of rubber in West Malaysia are as follows:

Rubber estates	...	1.597	million	acres
Smallholders	...	2.677	"	"
Total	...	4.274	"	"

Of the total acreage of the big rubber estates, 67% of it are owned by Europeans, the majority of whom are British. The latest figure shows that these foreign capitalists own 1,685,550 acres of plantation industries in this country, or roughly the equivalent of 2,634 square miles. Mr Speaker, Sir, the equivalent of this area is the combined size of Malacca, Penang and Province Wellesley, or the size of Negri Sembilan. Imagine foreigners owning 67% of Negri Sembilan and the Government doing nothing to restructure this!

An instance of how much money the foreign capitalists are making out of the sweat and toil of Malaysians can be seen in the following figures. According to the Stock Exchange Official Year Book, 1971, the Highlands and Lowlands Rubber Company Ltd. had the following trading figures. In 1970, it had a £4,922,331 issued capital. The profit for that year was £2,714,000. In other words, Mr Speaker, Sir, one can see how fantastic profits these rubber tycoons are making out of the sweat and toil of Malaysians in this country. Mr Speaker, Sir, the foreign rubber companies have interlocking directorships and they are inter-connected and inter-related. It is estimated that about 50 persons are in control of all the foreign-owned rubber estates in this country, and they sit in London and decide on the price of rubber there. I shall be grateful, Mr Speaker, Sir, if the Minister of Primary Industries can indicate, when his turn comes to reply, how this new set-up that we are now approving can prevent these 50 tycoons from fixing the price of rubber in London.

Mr Speaker, Sir, from time to time one hears of voices being raised for the nationalisation of these foreign holdings in this country. I myself am not in favour of it, for to me nationalisation *per se* has no virtue, and in this instance the estate sector is the most efficient and is the only sector that can cope with the falling price of rubber. Even if the price of rubber were to fall to 30 cents per pound, the big rubber estates in this country can still show a profit—the same cannot be said of the smallholders in this country.

Mr Speaker, Sir, this does not mean that foreign capital should be allowed to do as they like in this country. It is estimated that about \$800 million is annually taken out of this country by foreign capitalists, and I call on the Government to put a brake on this outflow of capital, so that part of it at least, which is earned through the sweat and toil of Malaysian citizens, should be ploughed back for re-investment and re-development in this country.

Mr Speaker, Sir, whereas the estate sector is large, well managed and efficient, the smallholders are small, uneconomical and are at the mercy of the vicissitudes of price fluctuations. The fall in the price of rubber has hit the smallholders hardest and even the

Minister of Finance is showing concern over the plight of the smallholders in the country.

The smallholders in this country have been the most neglected sector in this country. The Minister of Finance admits that their holdings are uneconomical, and he goes on to say, and I quote, "It goes without saying that smallholders will be further assisted in the matter of processing and marketing". Mr Speaker, Sir, the Minister of Finance talks with his tongue in his cheek, as both the Member for Larut Utara and the Member for Seberang Selatan have indicated how first RIDA and then MARA have been unable to provide any real assistance to the smallholders in the processing and marketing of their rubber. We are told that there are half a million smallholders, and it is extremely important that they should be given every assistance in their quest for a better and more decent living. The Minister of Finance has indicated that these smallholders can supplement their income by planting vegetables and cash crops in between rubber rows and rearing poultry.

The Minister now tells us that in the place of RIDA and MARA it is proposed to set up M.R.D.C., i.e. Malaysian Rubber Development Corporation. This, then, is to be the saviour of the smallholders. The smallholders in this country are sick and tired of all this empty talk. What they need is practical assistance to rescue them from the pangs of hunger that they are experiencing every day.

Mr Speaker, Sir, the only way the smallholders can be given a decent living is for the M.R.D.C. to buy land from the smallholders and turn them into economic lots so that they can be efficiently managed so that they can cope with any fall in the price of rubber. The smallholders can then be given shares in the M.R.D.C. in proportion to the land that they give up and, of course, they can all work for M.R.D.C. It is only by this collective effort that the smallholders can be given a new living.

Mr Speaker, Sir, an instance of this kind of collective effort is the National Land Finance Co-operative, but unfortunately it is in a bad shape and its shares are now sold at 20 cents below par. Mr Speaker, Sir, this is because the estates owned by the National Land Finance Co-operative are badly managed. Thus, an estate clerk has been promoted to estate manager with a salary of

\$3,000 per month, all because he was an important man of the M.I.C. Unless this is rectified, the estate workers who are shareholders are in for a bad time. Besides, Mr Speaker, Sir, this National Land Finance Co-operative also uses contract labour, and the Minister of Labour and Manpower is, I presume, one of the "big wigs" in this company. I call on the Government to look into the affairs of the National Land Finance Co-operative before it collapses.

The Member for Larut Utara, Mr Speaker, Sir, in his speech yesterday kept on saying and reminding the Minister of Primary Industries that on no account should a civil servant be chosen as the Chairman of this new Marketing and Licensing Board. Mr Speaker, Sir, I myself am not as anxious as he is that a civil servant should not be the Chairman. I myself can see no reason why a top civil servant thoroughly knowledgeable in the rubber trade should not be the Chairman of this Marketing and Licensing Board. After all, what we need is a person who is qualified for the job, be that person a civil servant or a person from the private sector. Perhaps his anxiety stems from the fact that perhaps in this House some Members of the UMNO are already queueing up for that job.

